

Volume III  
No. 9



Tuesday  
7th March, 1967

# PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT  
OF MALAYSIA

## CONTENTS

### ANNOUNCEMENT BY MR PRESIDENT—

Message From the House of Representatives to the Senate  
[Col. 989]

### BUSINESS OF THE SENATE [Col. 989]

#### BILLS—

The Supply (1967) Bill [Col. 990], [1048]

The Finance Bill [Col. 1138]

The Racing Club (Public Sweepstakes) (Amendment) Bill  
[Col. 1141]

The Supplementary Supply (1966) Bill [Col. 1142]

The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Act, 1967  
[Col. 1143]

ADJOURNMENT TO A LATER DAY (Motion) [Col. 1046]

ORDER OF BUSINESS [Col. 1047]

EXEMPTED BUSINESS [Col. 1047]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN  
OLEH OOI THEAM HOCK, PENGUASA, IPOH  
1968

Harga: \$1

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**  
*Official Report*

---

Vol. III

Third Session of the Second Dewan Negara

No. 9

---

*Tuesday, 7th March, 1967*

*The Senate met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT :

- The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- „ PUAN BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).
- „ DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).
- „ TUAN CHAN KEONG HON (Appointed).
- „ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).
- „ TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).
- „ TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Appointed).
- „ TUAN LIM JOO KONG, J.P. (Kedah).
- „ TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, D.P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Appointed).

- The Honourable **TUAN S. P. S. NATHAN** (Appointed).
- „ **NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N.** (Appointed).
- „ **TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU** (Sarawak).
- „ **TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K.** (Appointed).
- „ **TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N.** (Appointed).
- „ **DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P.** (Johor).
- „ **TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P.** (Appointed).
- „ **TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P.** (Kedah).
- „ **TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM** (Perlis).
- „ **TUAN WILLIAM TAN** (Appointed).
- „ **TAN SRI T. H. TAN, P.M.N.** (Appointed).
- „ **TUAN S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N.** (Appointed).
- „ **DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai** (Pahang).
- „ **WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, S.M.K.** (Kelantan).
- „ **WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K.** (Appointed).
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD** (Perak).
- „ **TUAN YEOH KIAN TEIK** (Perak).

ABSENT :

- The Honourable the Minister without Portfolio, **TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N.** (Appointed).
- „ **PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI** (Appointed).
- „ **DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K.** (Sabah).
- „ **TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P.** (Penang).
- „ **TUAN D. S. DORAI RAJ, A.M.N., P.J.K.** (Appointed).
- „ **TUAN HONG KIM SUI** (Appointed).
- „ **DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P.** (Negeri Sembilan).
- „ **DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K.** (Sabah).
- „ **RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY** (Selangor).
- „ **DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P.** (Appointed).

IN ATTENDANCE :

- The Honourable the Minister of Commerce and Industry, **DR LIM SWEE AUN, J.P.** (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, **TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P.** (Batang Padang).
- „ the Minister of Lands and Mines, **TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB** (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, **ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.** (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Finance, **DR NG KAM POH, J.P.** (Telok Anson).

## PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

ANNOUNCEMENT BY  
MR PRESIDENTMESSAGE FROM THE HOUSE  
OF REPRESENTATIVES TO THE  
SENATE

**Mr President:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, saya ma'alumkan kepada Dewan ini ia-itu saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha Dewan membachakan perutusan itu.

(*The Clerk reads the message*)

"Mr President,

The House of Representatives has passed the following Bills:

- (1) to provide for the use of the national language.
- (2) to amend the Criminal Procedure Code.
- (3) to alter and harmonise the rates of Stamp Duty payable under the legislation relating to Stamp Duty in the different parts of Malaysia.
- (4) to apply sums out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the service of the year 1966 and to appropriate such sums for certain purposes.

(*Sgd.*) C. M. YUSUF,  
*Speaker.*"

## BUSINESS OF THE SENATE

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to give notice that at this sitting of the Senate I shall move the second and third readings of the following Bills:

- The National Language Bill, 1967.
- The Criminal Procedure Code (Amendment) Bill.
- The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Bill.
- The Supplementary Supply (1966) Bill, 1967.

**Mr President:** So be it.

## BILLS

## THE SUPPLY (1967) BILL

## Second Reading

Order read for resumption of Debate on Question, "That the Bill be now read a second time." (6th March, 1967).

**Tuan Amaludin bin Darus:** Dato' Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya yang di-buat pada petang samalam—dalam ucapan saya samalam, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentoh Jabatan Perdana Menteri—bagaimana kenyataan yang pernah di-sebut oleh Perdana Menteri ia-itu akan ada usaha penyatuan pentadbiran agama di-seluruh Malaysia. Tentu-lah perkara ini menjadi satu perkara yang sangat menggembirakan hati kita dan ada-lah satu langkah yang sangat baik jika pentadbiran agama di-seluruh Malaysia ini dapat di-satukan, supaya semua perkara<sup>2</sup> yang mengenai agama, seperti apa yang difahamkan pada masa ini, dapat di-satukan dan di-samakan dan tidak-lah orang akan melihat bahawa ada perbezaan<sup>2</sup> di-antara negeri<sup>2</sup> di-dalam Malaysia ini.

Di-dalam melaksanakan ini, Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan telah mendapat persetujuan daripada Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup>, sa-orang Pegawai Pentadbir yang kanan, yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran, patut di-lantek dengan gelaran Pengarah Besar Jabatan Uagama. Pengarah Besar ini saya maksudkan sa-orang Pegawai Pentadbir yang cekap dan berpengalaman yang dapat menge-lolakan dengan baik perjalanan pentadbiran jabatan ini, sa-hingga jabatan ini menjadi jabatan yang hidup dan memberi faedah yang sa-benar<sup>2</sup>-nya kepada negara kita ini. Ketua Jabatan ini sa-patut-nya, jika di-adakan nanti, bukan-lah sa-orang Islam yang pe-minum arak dan bukan juga sa-orang Islam yang mempunyai kuda<sup>2</sup> lumba untuk berlawan lumba kuda dan lain<sup>2</sup> lagi yang boleh memalukan uagama Islam dan umat Islam sendiri, kerana yang menjadi ketua hal-ehwal uagama itu sendiri mempunyai kuda<sup>2</sup> lumba dan sa-bagai-nya.

Apabila jabatan ini ada, tidak shak lagi susunan pentadbiran akan bertambah baik dan natijah-nya tentu-lah baik pula. Chuma apa yang saya harapkan, Tuan Yang di-Pertua, saya harapkan Perdana Menteri dapat memahami kan baik<sup>2</sup> bahawa dalam menyatukan pentadbiran ugama di-negeri ini, sa-bagai langkah yang sangat baik, janganlah pula chuba<sup>2</sup> hendak di-gunakan ugama sa-bagai alat politik. Sa-baleknya apa yang patut ia-lah menjadikan kita ini semua-nya alat daripada ugama itu sendiri. Banyak boleh di-buat untuk menjadikan ugama sa-bagai alat politik, saperti sekarang ini pun di-buat ugama sa-bagai alat politik, membikin masjid<sup>2</sup>, membikin surau<sup>2</sup> tanpa memperdulikan orang, dengan 'akidah dan keyakinan-nya tetapi mendahului membuat sa-suatu yang tidak begitu penting kita meninggalkan sa-suatu yang lebeh penting sa-hingga akhir-nya, masjid ada—hanya sa-minggu sa-kali orang membuka pintu masjid dan ini di-buat kerana gerakan<sup>2</sup> politik, sa-hingga ra'ayat sudah tidak mahu lagi bergotong-royong—tidak mahu lagi menchari pahala untuk mengeluarkan 10 sen atau sa-ringgit kerana membeli papan untuk memperbaiki masjid.

Saperti di-cheritakan oleh Ketua Menteri, Tuan Ghaffar Baba, dari Melaka—untuk membaiki satu mimbar, tempat berkhotbah itu pun, terpaksa di-minta wang daripada Kerajaan, dengan ada perlumbaan parti politik—di-Melaka juga ada PAS. Untok menjaga kedudukan politik mahu tidak mahu terpaksa di-layan, kerana layanan ini membawa ra'ayat kita hilang semangat perlumbaan dan hilang semangat membuat kebajikan dan perkara saperti ini yang tidak mesti di-galakkan. Tetapi apa boleh buat kerana ini ada kepentingan<sup>2</sup> politik maka ini telah berjalan di-seluruh tanah ayer kita ini yang mengakibatkan wang yang perlu di-gunakan pada tempat yang lain telah di-gunakan pada satu tempat saperti masjid dengan kerana maksud<sup>2</sup> politik.

Bantuan kapada masjid, Tuan Yang di-Pertua, boleh di-bagi tetapi bantuan<sup>2</sup> yang berpatutan bukan bantuan<sup>2</sup> yang merupakan perlumbaan untuk memenangi politik. Bagitu juga, Tuan Yang

di-Pertua, kalau sa-kira-nya tidak di-tadbirkan dengan betul<sup>2</sup> chuma dengan harapan kalau dapat di-control atau dapat di-jadikan satu jabatan menyatukan pentadbiran ugama ini dapat-lah di-keluarkan pendapat<sup>2</sup>, dapat di-minta pendapat<sup>2</sup> daripada Jema'ah Pejabat Ugama supaya mengiakan apa yang di-buat oleh pemerintah, oleh Kerajaan, ma'ana itu juga merupakan satu ikhtiar atau satu usaha pengkhianatan, mempergunakan ugama bagi maksud<sup>2</sup> politik. Apa yang saya harapkan Jabatan Ugama ini ia-lah bagi Kerajaan melancarkan dengan bantuan<sup>2</sup> yang sunggoh<sup>2</sup> untuk mendapatkan pentadbiran ugama dan pimpinan ugama.

Tuan Yang di-Pertua, ada saya sentoh dalam ucapan saya kelmarin ia-itu Jabatan ini patut mempunyai satu badan atau jawatan-kuasa penyelidekan (research), yang akan menyelidik mengenai hal perundangan Islam oleh kerana Undang<sup>2</sup> Islam yang ada pada kita ia-lah karangan beratus<sup>2</sup> tahun zaman dahulu dan itu boleh-lah di-semak kembali, boleh di-susun kembali di-sesuaikan dengan kehendak<sup>2</sup> Al-Quran dan Sunat Rasul kerana Undang<sup>2</sup> Islam itu ada-lah "flexible" boleh di-pakai untuk sa-lama<sup>2</sup>-nya dan apa yang kita dapati warithan daripada beratus<sup>2</sup> tahun daripada ulama' fekah tidak berarti dapat di-sesuaikan dengan keadaan sekarang dan kerana itu sa-buah jawatan-kuasa atau badan penyelidik yang dapat merangka undang<sup>2</sup> sesuai dengan zaman kita ini tidak bertentangan dengan kehendak Al-Quran dan Hadith. Itu-lah yang patut di-usaha dan di-adakan oleh pihak Kerajaan melalui Jabatan Ugama ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud kebaikan negara kita ini yang menjadikan Islam ugama rasmi, maka di-dalam menggubal sa-barang undang<sup>2</sup> di-negeri kita ini ada baik-nya jika Jema'ah atau jawatan-kuasa atau badan yang saya maksudkan tadi badan penyelidik, di-minta pendapat-nya supaya dalam membuat satu<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang akan di-jalankan kuat-kuasa di-dalam negara kita ini tidak bertentangan dengan ugama Islam, ugama rasmi negeri kita ini sendiri. Undang<sup>2</sup> yang kita akan buat di-dalam negara kita

untuk ra'ayat semua-nya. Jadi sa-tengah orang berpendapat tidak ada sebab hendak di-bawa kepada soal ugama, tetapi pada saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Islam menjadi ugama rasmi maka ia mesti di-hormati sa-barang undang<sup>2</sup> di-dalam negeri ini yang bertentangan dengan pengajaran ugama Islam sangat-lah tidak 'adil apabila kita meletakkan Islam sa-bagai ugama rasmi bagi negeri ini. Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, dengan bertanya kepada Jema'ah ini pendapat<sup>2</sup> mereka hendak-lah di-pakai bila menggubal satu<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> apabila sahaja undang<sup>2</sup> itu tidak bertentangan dengan pengajaran Islam atau undang<sup>2</sup> itu sesuai dengan pengajaran Islam maka dia sudah-lah boleh di-terima dan tidak bertentangan dengan kepentingan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak chontoh<sup>2</sup> yang boleh di-kemukakan dalam soal ini, penggubal Kerajaan, penggubal undang<sup>2</sup> menggubalkan Undang<sup>2</sup> Income Tax yang di-buat-nya di-sesuaikan dengan perjalanan income tax England tetapi undang<sup>2</sup> itu akan terkena kepada ra'ayat negeri ini dan ra'ayat negeri ini sa-bahagian-nya Islam dan Islam menjadi ugama rasmi, ada mempunyai undang<sup>2</sup> pula di-dalam zakat dan sa-bagai-nya dan undang<sup>2</sup> Islam itu meliputi dengan segala aspect hidup manusia dengan kerana itu dia ada hubungan dengan berbagai<sup>2</sup> kepentingan kehidupan manusia dari segi sosial dan lain<sup>2</sup> lagi. Maka kerana itu jika Undang<sup>2</sup> Income Tax itu di-gubal dan di-minta pendapat daripada jema'ah yang saya maksud dalam Jabatan Ugama jika di-tubuhkan, yang boleh memberi pandangan-nya, maka satu undang<sup>2</sup> yang akan di-bentangkan di-dalam Dewan Parlimen ia-lah undang<sup>2</sup> yang telah di-tapis sesuai dan tidak bertentangan dengan kepentingan ugama Islam yang menyuroh sa-tiap manusia, sa-tiap orang yang menjadi kepala keluarga bertanggung-jawab terhadap anak<sup>2</sup>-nya, terhadap keluarga-nya, terhadap orang<sup>2</sup> yang dhaif di-antara-nya, dengan kerana itu undang<sup>2</sup> yang di-buat sekarang ini dengan kerana tidak memerhatikan kepada spirit Islam, ugama rasmi yang ter-

chatit di-dalam Perlembagaan telah menyebabkan undang<sup>2</sup> itu zahir sama sa-kali tidak memperdulikan kepentingan ajaran Islam yang menjadi ugama rasmi negeri ini. Lima orang anak di-tetapkan sa-bagai anak<sup>2</sup> yang di-kira bagi satu orang kepala keluarga yang menchari wang ia-itu dia sendiri di-beri potongan kiraan, isteri-nya dan lima orang anak-nya, bagaimana dengan anak<sup>2</sup> yang lebeh, bagaimana dengan keluarga<sup>2</sup> yang patut di-tolong, bagaimana dengan kerana emak mertua-nya yang terpaksa di-pelihara, bagaimana dengan sepupu-nya yang telah menjadi janda yang terpaksa di-layan di-tanggung dan ini semua-nya hendak-lah di-fikirkan habis<sup>2</sup> supaya kita tidak membuat satu<sup>2</sup> pertentangan dengan kepentingan ugama kita sendiri yang ugama itu telah menekankan supaya tiap<sup>2</sup> orang itu harus memberi tanggung-jawab bukan sahaja kepada anak isteri-nya, tetapi kalau boleh dia lebeh memberi tanggung-jawab juga kepada lain<sup>2</sup> sa-takat yang dia mampu.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal kawalan beranak (birth control) yang baharu<sup>2</sup> telah kita debatkan. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, sa-bagai menjawab ucapan saya dalam Dewan ini sa-waktu membathatkan perkara itu menyebutkan, di-Timor Tengah pun orang buat. Alasan di-Timor Tengah sahaja orang buat tidak boleh menjadi alasan. Sa-kira-nya Arab yang asal-nya sa-bagai orang yang pertama menerima Islam di-dalam dunia ini semua berpaling daripada Islam, ada-kah kita berkiblat kepada Timor Tengah, kita tidak akan mengikatkan diri kita kepada Timor Tengah, kita mengikatkan diri kita kepada pelajaran Islam itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, harus kita berbuat bagi mencheegah beranak bukan dari segi takut tetapi dari segi kesihatan ibu, itu-lah yang di-haruskan oleh Islam. Tetapi malang-nya kerana benda ini tidak mahu di-minta pertimbangan, kalau pun di-minta pertimbangan ulama' di-minta menchari jalan bagaimana boleh di-halalkan apa yang di-buat oleh Kerajaan saperti berlaku-nya kepada Undang<sup>2</sup> Loteri. Ulama<sup>2</sup> di-panggil dengan anjoran

Perdana Menteri ka-Kuala Lumpur bukan bagi maksud untuk membahathkan loteri tetapi bagi maksud untuk membahathkan wang loteri itu sendiri. Jadi ini semua menyalah guna agama bagi kepentingan politik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut Kerajaan insaf benar<sup>2</sup> dalam hal ini dan chuba-lah mendapatkan persetujuan Duli<sup>2</sup> Yang Maha Mulia Raja<sup>2</sup> Melayu bagi menyatukan agama di-seluruh tanah ayer kita ini dan sa-bagai menutup kapada perkara yang saya kemukakan tadi, sukachita saya hendak betulkan sadikit, takut ada salah faham tentang bantuan kapada masjid. Saya tidak-lah bertujuan mengatakan tidak baik bantuan<sup>2</sup> kapada masjid sa-hingga menjadi salah tafsiran pemberita<sup>2</sup> akhbar. Tetapi yang yang saya maksudkan, jika perlumbaan ini di-jalankan oleh Kerajaan, akibahnya banyak kepentingan<sup>2</sup> lain yang tidak dapat di-jalankan sedangkan apa yang di-buat itu motif-nya dapat difaham sendiri oleh Kerajaan yang menganjorkan bahawa ini tidak lain dan tidak bukan ia-lah dengan kerana memberi bantuan untuk menarek penyokong<sup>2</sup> supaya ra'ayat jangan menyokong PAS. Kerajaan pun faham, sebab sa-orang pegawai tinggi UMNO pernah mencheritakan kapada saya benda ini yang fact-nya.

Sa-lain daripada itu, ini telah dijadikan satu perkara yang lumrah yang berjalan dengan banyak-nya di-Malaya maka timbul iri hati, entah bagaimana, mungkin barangkali kerana bagi bantuan banyak sangat kapada masjid, maka timbul iri hati gulongan<sup>2</sup> lain, maka untuk menjaga gulongan lain pula jangan lari daripada Parti Perikatan maka bantuan kapada to'kong<sup>2</sup>, kapada berhal<sup>2</sup>, kapada lain<sup>2</sup> yang bukan rasmi di-negeri ini telah juga diberi bantuan pula dengan membelanjakan wang orang ramai yang sa-patutnya tidak boleh di-belanjakan bagi kepentingan lain daripada yang rasmi. Ini semua-nya kerana politik, kalau tidak-lah kerana politik perkara ini tidak terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang akan saya sentohkan dalam perkara menyusun Jabatan Ugama tadi tidak perlu-lah ada sa-orang Mufti

Negara tetapi chukup-lah dengan apa yang saya sarankan ia-itu Pengarah Besar Jabatan Ugama itu dan Mufti Negara ini tidak perlu kalau sa-kadar untuk hendak menyuroh membacha do'a di-majlis rasmi—tidak patut bagitu. Sebab di-dalam Islam, Mufti itu saya katakan kelmarin boleh disifatkan sa-bagai Attorney General (Jaksa Agong). Jadi kalau untuk adakan Mufti Negara hendak membacha do'a rasmi, tidak ada do'a<sup>2</sup> rasmi, siapa pun boleh membacha do'a dan tidak mesti Mufti<sup>2</sup> yang di-suroh membacha do'a. Di-dalam Islam ini tidak ada uniform bagi ulama'-nya yang Mufti<sup>2</sup> mesti memakai jubah hitam panjang, kopiah keras belit puteh—tidak ada uniform dalam Islam. Jadi tidak ada persamaan Islam dengan agama lain<sup>2</sup>, dengan kerana itu biar-lah Kerajaan negeri ini chuba insafi. Kalau hendak di-pandang PAS ini kolot dan orang<sup>2</sup> Kerajaan merasa diri advance lagi dalam Islam, chuba-lah, jangan pakai beras kunyit, tabor<sup>2</sup> sana tabor sini, jangan chuba bacha<sup>2</sup> do'a semua orang boleh bacha do'a dengan tidak payah panggil To'guru, To'alim dan Dato' Mufti berdo'a.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya sentoh dalam Jabatan Perdana Menteri ini ia-lah soal raswah. Soal raswah (corruption) satu penyakit yang menular, penyakit yang berjangkit, yang menjahanamkan negara dan menjahanamkan budi, yang menjahanamkan social, masharakat, semua sa-kali dan ini bukan-lah berlaku di-negeri kita sahaja, berlaku di-mana<sup>2</sup> negeri—ada yang lebeh burok, ada yang lebeh tenat, jadi negeri kita ini pun tidak kurang jenatnya juga. Chuma saperti mana Tunku Abdul Rahman kata dalam lawatan-nya ka-Johor baharu<sup>2</sup> ini, banyak benda<sup>2</sup> yang Pembangkang buat kachau tetapi banyak benda<sup>2</sup> juga yang mereka tidak tahu, tidak boleh kachau. Jadi mereka tidak tahu, kalau tahu tentu banyak kachau lagi.

Tuan Yang di-Pertua, raswah sudah ada jabatan—Jabatan Penchegeh Raswah. Tetapi kita tidak pernah dengar banyak benda<sup>2</sup> yang di-katakan raswah ini di-kemukakan ka-tengah pengadilan kechuali dalam beberapa hari baharu<sup>2</sup>

ini case yang di-anggap khalwat bagi satu chek \$20.00 dan wang \$10.00—itu ada. Yang besar<sup>2</sup>, bapa<sup>2</sup>-nya semua tidak ada berbunyi. Jadi ini patut-lah di-cheritakan kerja<sup>2</sup> dalam menchari di-mana sarang tempat bersembunyi-nya raswah. Tentu-lah, Tuan Yang di-Pertua, raswah ini macham pelachoran juga. Dia ada dua—pelachor laki<sup>2</sup> dan pelachor perempuan. Jadi raswah ini pun juga ada dua—pemberi dan penerima itu tentu-lah dari pegawai Kerajaan. Dan penerima itu kalau dia bernama Osman, dia tidak akan menerima suatu apa pun kira-nya Osman itu dudok di-rumah. Tetapi Osman itu menjadi ketua, jadi pegawai yang tertentu maka dia boleh menerima sesuatu di-sebabkan dia berjawatan sesuatu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah membayar gaji kepada pegawai Kerajaan, apabila gaji di-bayar dia harus bekerja dengan penoh khidmat terutama dalam sa-buah negara yang merdeka. Menerima raswah ada-lah satu perbuatan khianat yang paling besar yang meruntuhkan ekonomi dan moral di-dalam negara kita ini. Dengan kerana itu, jika dapat, kalau dapat di-tangkap pemberi raswah dan penerima raswah, kalau boleh, untok tujuh atau lapan orang di-hukum tembak lebeh baik.

Sebab, Tuan di-Pertua, pengkhianatan terhadap negara daripada raswah ini sangat besar dan apa yang saya katakan ini, kejam bunyi-nya, kerana hukuman tembak kepada orang yang menerima raswah dan pemberi raswah—kejam! Tetapi maksud undang<sup>2</sup> ia-lah untok menegakkan keadilan bagi kepentingan ramai. Untok menegakkan keadilan kita harus berbuat sa-suatu supaya dapat di-cheritakan kejahatan. Kalau di-dalam Islam, konsep Islam di-dalam membuat undang<sup>2</sup> bukan bermaksud membalas dendam kepada orang yang dapat di-tangkap sebab banyak lagi orang jahat yang melakukan penyelewengan yang tidak dapat di-tangkap. Maksud di-kenakan hukuman ia-lah untok memberi peringatan dan tauladan kepada yang lain supaya dapat mengawal diri jangan melakukan kejahatan. Sebab itu saya rasa kalau di-kenakan huku-

man yang di-pandang kejam sa-kali pun sa-hingga di-tembak pengkhianat<sup>2</sup> ini, tidak-lah di-sifatkan kejam kerana kita mahu mencheegah perkara ini daripada berlaku terus-menerus.

Banyak, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya. Satu chontoh yang saya boleh cheritakan, dua tahun dahulu, saya tidak berchakap, baharu hari ini hendak berchakap. Dua tahun dahulu saya naik keretapi hendak balek ka-Kelantan. Di-Gemas ada tukaran keretapi. Saya turun di-Steshen Keretapi Gemas kira<sup>2</sup> jam 1.00 malam berjumpa dengan beberapa orang yang saya kenal rupa tetapi tidak tahu nama—kami berchakap<sup>2</sup>. Sa-orang pegawai mencheritakan ia akan balek ka-Kelantan kerana urusan motokar-nya—motokar-nya accident. “Motokar itu nama isteri saya,” kata dia. Semenjak saya dudok di-Perak sudah boleh saya membeli motokar—jadi yang berchakap ini bertiga. Kalau dudok di-Kelantan payah sadikit, tetapi di-Perak ini sudah boleh membeli motokar. Jadi saya menjaga satu kawasan sa-bagai Mata<sup>2</sup> Gelap. Ada banyak sarang judi—jadi tentu-lah ada komishen dan daripada wang itu dapat-lah membeli motokar dan memakai nama isteri dan kehidupannya sudah mewah.

Satu hari, kata-nya, ketua saya panggil, di-Ipoh. Kata-nya, “Saya dapat berita yang awak ada sadikit<sup>2</sup> bagini<sup>2</sup>—panjang juga cherita-nya. Apa kata orang ini. Kata orang ini, “tuan” kerana Ketua Polis sekarang kena panggil tuan. “Tuan, saya buat sadikit<sup>2</sup> sahaja tuan, tuan pun banyak lagi, biar-lah saya sadikit apa salah-nya.” Jadi kata tuan dia, “Hes! jangan chakap macham itu, pergi keluar, lain kali jaga sadikit.” Mudah sahaja. Jadi ini satu cherita yang benar<sup>2</sup> yang di-cheritakan kepada saya, dan tentu-lah saya sa-bagai ahli Dewan ini tidak berchakap bohong (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku di-Station Keretapi Gemas—di-Plat-form. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini ada, jadi yang kecil makan kecil yang besar makan besar, jadi apabila di-bongkar hal yang besar, yang besar kata, “Tutup jangan chakap lagi jaga diri sudah-lah, pergi keluar-lah.”

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kejadian yang boleh berlaku yang besar, smuggle barang semua-nya dapat di-jalankan melalui corruption, kalau tidak corruption Kerajaan dapat mencegah sebab pegawai<sup>2</sup> kita ini banyak, tetapi kerana ada-nya corruption, maka itu-lah menyebabkan payah hendak di-kawal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila saya katakan tadi ini penyakit social, penyakit social ini mesti-lah di-chegeh mula<sup>2</sup> daripada Menteri<sup>2</sup> dahulu. Dahulu pernah saya katakan bila so-orang jadi Ahli Yang Berhormat, bila sa-orang menjadi Menteri, beberapa tahun dahulu pernah saya katakan, patut-lah di-kenakan satu peratoran merupakan Undang<sup>2</sup> tiap<sup>2</sup> mereka itu hendaklah mendaftarkan segala harta benda milek mereka termasuk kepunyaan isteri mereka supaya dapat Kerajaan perhitungkan bagaimana penambahan harta berlaku di-sa<sup>2</sup>at mereka itu.

**Dr Lim Swee Aun:** Mr President, Sir, on a point of clarification, all Ministers have to declare their property before they take up their jobs, including the property of their wives.

**Tuan Amaludin bin Darus:** Terima kasih. Saya chakap ini beberapa tahun dahulu dan saya maksudkan semua Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat termasuk Dewan<sup>2</sup> Undang Negeri di-jadikan peratoran. Daftarkan semua sa-kali, dan kemudian itu dapat-lah perhitungan bagaimana chara-nya penambahan itu halal atau haram.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, chontoh patut di-buat oleh Menteri<sup>2</sup> juga dan pemimpin<sup>2</sup> jangan menerima hadiah. Sa-orang Perdana Menteri mithal-nya—mithal-nya, sa-orang Perdana Menteri kerana menjadi Perdana Menteri boleh jadi sampai satu tong White Label di-rumah-nya—itu hadiah. Sa-orang Perdana Menteri kebetulan kena hari jadi-nya sampai hadiah<sup>2</sup> bertimbun<sup>2</sup>, kalau dia tidak menjadi Perdana Menteri tentu tidak sampai, dan hadiah<sup>2</sup> seperti ini tidak patut di-terima oleh sa-orang pegawai dan semua hadiah ini hendaklah di-serahkan kepada khazanah negara. Kalau di-katakan ini satu perkara yang tidak boleh di-buat, saya katakan bahawa negara<sup>2</sup> Islam di-zaman dahulu telah pernah membuat,

segala hadiah yang di-berikan kepada pemimpin negara ada-lah di-serahkan kembali kepada khazanah negara.

Jadi, kalau dapat ini di-kawal daripada pemimpin atas, baharu dapat di-chegeh yang bawah. Ini semua hadiah<sup>2</sup> ini raswah. Kadang<sup>2</sup> kalau di-minta satu<sup>2</sup> yang nampak-nya susah dapat, di-pakai orang tengah pergi ka-rumah bawa rantai emas satu, hadiah kepada isteri pegawai. Dan kalau ini di-amalkan, corruption itu-lah berlaku, tidak lain perkataan, tidak ada hadiah yang erti-nya sa-benar<sup>2</sup>-nya, sebab tidak ada sebab. Mithal-nya, Ahli Meshuarat Bandaran dapat tiket perchuma menuntun wayang sa-tahun. Mengapa? Corruption! Kerana sa-suatu yang di-harapkan oleh pengurus wayang gambar itu pehak bandaran dapat memenohi kepentingan-nya. Kalau tidak, tidak ada sebab, semua orang mesti gentlemen membayar tiket hendak menuntun wayang. Bagaimana hendak di-betulkan ini, mesti di-mulai daripada pemimpin<sup>2</sup>. Dan saya harap Kerajaan Persekutuan berchakap tentang keadilan dan gentlemen boleh memulakan ini dan kemudian dapat-lah ditekankan orang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentoh ia-lah soal pilehan raya di-Sabah. Kelmarin ada satu Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bahathkan, tetapi kerana saya kerosakan kereta di-Dungun, lewat sampai, tidak dapat perbahathkan penchen untuk bertanding pilehan raya di-Sabah. Tetapi hari ini saya hendak chakap soal polisi pilehan raya di-Sabah.

Tidak lama lagi pilehan raya Sabah akan di-adakan, kemudian tidak lama lagi kita harap Sarawak pula dapat di-adakan. Pilehan raya di-Sabah ini mempunyai pengertian-nya sangat besar, kerana Perikatan telah bersiap lama, beberapa orang chalun Perikatan yang kalah di-Kelantan telah di-kirim dudok di-Sabah, bekerja untuk memperkuatkan Parti Perikatan, tetapi itu tidak menjadi soal. Yang menjadi soal kepada saya pilehan raya Sabah ini ada di-dalam perhatian dunia. Sebab Sabah maseh merupakan satu claim national kepada Filipina. Sabah merupakan satu daerah bagi Malaysia yang ada hubongan sengketa

dengan Indonesia. Maka dengan kerana itu perkara Sabah ini tidak-lah boleh di-pandang ringan, tetapi harus di-pecahkan dengan cara yang sa-baik<sup>2</sup>-nya supaya dapat menjaga<sup>2</sup> perpaduan di-antara negara<sup>2</sup> satu keturunan di-Tenggara Asia ini dalam usaha untuk mengekalkan perpaduan bagi ketiga<sup>2</sup> negara Maphilindo.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perjanjian kita dengan Indonesia—pertemuan di-antara Tun Abdul Razak dengan Tuan Adam Malik di-Bangkok—membuat “Persetujuan Bangkok” mengenai tamat-nya konfrantasi ada dikaitan perkara mempercepatkan pilihan raya di-Sabah dan Sarawak yang di-pertalikan kepada persetujuan Manila ia-lah mahu melihat ra'ayat di-sana itu menentukan hasrat mereka. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak hairan-lah kalau dalam masa dua tiga minggu yang lalu ada berita akhbar—berita luar negeri, yang menyebutkan bahawa pihak Filipina dan Indonesia akan mengirim pemerhati kerana menyaksikan pilihan raya Sabah. Tetapi dengan chepat-nya di-jawab oleh juruchakap Kementerian Luar Negeri Malaysia, perkara itu tidak timbul.

Saya harap Kerajaan boleh menimbangkan perkara ini. Kerajaan harus toleran, harus berani lapang dada, berani menghadapi kenyataan dengan tidak payah di-desak<sup>2</sup> oleh pihak Filipina dan Indonesia. Kerajaan patut memperlawa pemerhati<sup>2</sup> rasmi dari Filipina dan Indonesia menyaksikan perjalanan pilihan raya di-Sabah supaya mereka itu puas hati dan ra'ayat Sabah akan memilih Malaysia kerana khabar-nya Manifesto yang di-susun di-Sabah itu pun merupakan satu platform Malaysia. Jadi biar-lah Filipina dan Indonesia puas hati dan kemudian daripada itu kita mengharapkan perpaduan negara ini kekal dan kita mengharapakan Indonesia memasoki ASA atau apa jua yang akan di-namakan kemudian. Kalau sa-kira-nya kita mendiamkan atau menganggap sepi perkara ini, tidak mustahil akan timbul sungutan<sup>2</sup> pihak Filipina dan Indonesia yang menyebabkan sungutan<sup>2</sup> itu kalau di-lawan sungutan, maka

berakhir-lah dengan retak kembali perpaduan yang telah dapat di-sambung dengan Filipina dan ia telah kembali dalam ASA—active kembali dalam ASA dan juga Indonesia telah mahu memberhentikan konfrantasi dan sedia untuk menimbang soal<sup>2</sup> lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin untuk menyambong sedikit lagi soal politik luar negeri kita. Politik luar negeri kita ini, kalau mengikut da'awaan Kerajaan, bebas-lah, tetapi saya tidak pernah per-chaya—apa boleh buat, maka saya tidak mahu perchaya apa yang dikatakan oleh Kerajaan Perikatan yang politik Perikatan itu bebas. Saya katakan dia dudok dalam raga Barat. Di-dalam satu majallah—saya sudah lupa pula itu, saya pinjam sahaja, yang dikeluarkan di-Kemboja, dia membuat kerkator gambar Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kita, memakai chermis mata hitam, putih sa-belah, hitam sa-belah. Yang hitam itu di-tulis-nya Inggeris, jadi mata Tunku Abdul Rahman tidak pakai yang itu, mata Inggeris yang pakai. Jadi sa-belah sini mata Tunku Abdul Rahman, mata yang sa-belah lagi itu hitam, jadi hitam itu pemandangan Inggeris. Jadi itu merupakan penghinaan terhadap kita, merupakan orang tidak menghargakan kita, merupakan orang tidak respect kepada kita, dan ada orang<sup>2</sup> yang menulis, wartawan<sup>2</sup> luar negeri menulis tentang kita ini Negara Polis sa-kali pun kita di-dalam hal ini menapikan yang kita ini Negara Polis, tetapi di-luar negeri orang menulis kita ini Negara Polis. Betul atau tidak, kita tanya-lah kepada Tun Dr Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya mahu supaya politik luar negeri kita ini hendak-lah betul<sup>2</sup> kita berikhtiar ka-arrah membebaskan diri sa-benar<sup>2</sup>-nya. Kita boleh-lah bersahabat dengan sa-siapa pun, tetapi kita chuba membawa politik kita ini bebas sa-betul<sup>2</sup>-nya dan chergas. Politik kita mengenai luar negeri dengan Commonwealth maseh banyak berikat. Pada kita, Commonwealth itu terlalu penting, tetapi pada saya itu ia-lah keagongan dan kemegahan kepada bangsa British, kepada England, kepada United Kingdom dan bukan kepada kita sebab

itu pada saya tidak perlu ada didalam Commonwealth—British Commonwealth. Kita boleh memikirkan kawasan<sup>2</sup> kita sendiri dan chukup-lah dengan United Nations—Pertubohan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, tempat merupakan forum dan menchari penyelesaian, menchari pertolongan dan sa-bagai-nya. Keadaan sekarang ini bagi British sendiri pun chukup goyang. French tidak bagitu gemar British masuk Pasaran Bersama Eropah, kerana dia hendak menjadi hero di-Eropah. British sudah merupakan orang sakit di-Eropah macham Kerajaan Turkey dahulu. Ketenatan British dalam ekonomi menyebabkan dia mahu menarek banyak tentera<sup>2</sup>-nya. Sa-bahagian anggota Parti Buroh sendiri telah menentang dasar Kerajaan-nya dan dengan kerana itu kalau sa-kira-nya mereka itu sudah berani di-tentang oleh France, berani di-halang oleh Peranchis dan memasoki Pasaran Bersama, tentu-lah ada sebab<sup>2</sup>-nya. Jadi British sedang menghadapi satu kenyataan, satu alternative, ia-itu memilih Commonwealth-kah atau memilih Pasaran Bersama Eropah, kerana ada hubungan-nya dalam ekonomi dengan negara<sup>2</sup> Commonwealth dan kita boleh melepaskan British dan kita boleh hidup sendiri dengan negara<sup>2</sup> lain. British boleh hidup sa-bagai orang Eropah dan kemudian boleh berniaga dengan kita, kerana pada saya tidak-lah banyak untong kapada kita system British Commonwealth ini, kerana pernah saya berchakap dahulu tentang sejarah Commonwealth itu sendiri daripada penjajahan kapada Dominion, Dominion kapada Commonwealth. Jadi ini semua-nya tidak menguntongkan kita, semua-nya di-buat untuk kepentingan British sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat menarek perhatian kita ia-lah ucapan Perdana Menteri mengenai communist di-dalam Dewan Ra'ayat dan di-luar Dewan Ra'ayat. Sekarang ini Kerajaan Perikatan atau lebeh tegas kapada Tunku Perdana Menteri, communist itu sudah ada yang baik<sup>2</sup>, yang boleh di-buat sahabat, yang boleh di-buat kawan, yang boleh di-ajak masuk kelambu pula. Jadi dahulu PAS pun di-chap communist kerana benchi ka-

pada communist itu terlampau tinggi, sa-hingga PAS—Pertubohan Islam pun di-chap ekor communist. Sekarang ini ada pula tafsiran baharu, communist itu sudah baik, communist Russia ini bagus, dia mahu hidup rukun damai dalam dunia ini. Tuan Yang di-Pertua. ....

**The Assistant Minister of Finance (Dr Ng Kam Poh):** Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat memberi jalan—Kerajaan Pusat tidak berchakap Communist ini baik atau Communist itu baik, tetapi Communist di-negeri itu kita tidak mahu di-kachau, tetapi Kerajaan Pusat ini tidak mahu Communist mari kasingi—itu sahaja.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham dari apa yang di-katakan oleh Tunku Perdana Menteri dan dengan kerana itu-lah anggota penyokong Kerajaan sendiri di-dalam Dewan Ra'ayat atau Ahli dari Johor Tenggara telah bangun menentang chara berfikir Tunku Perdana Menteri itu sendiri dan ini sudah memberi satu kenyataan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak ber-lindung di-balek lalang sa-helai. Chara berfikir daripada Tunku Abdul Rahman ini telah kita nampak longgar—tidak stand firm, tidak berdiri tegas.

Dahulu kita kata kita tidak mahu berhubung dengan communist, kerana ada gerakan<sup>2</sup> communist dalam negeri kita—sekarang sudah boleh. Sekarang ini tidak apa tetapi Communist China tidak lagi. Communist Russia sudah tidak apa, Eropah Timor sudah tidak apa, sedangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahaya communist ini sama. Russia telah sampai kapada peringkat yang maju di-dalam industrial daripada sa-buah negeri agriculture kapada peringkat negeri perusahaan, telah maju dan dia telah naik sa-tingkat terpaksa mengubah system-nya, kerana communist itu sendiri belum merupakan negara communist maseh merupakan negara socialist. Communist itu idea yang entah ka-mana dan mimpi bila-kah yang akan sampai kapada communist itu sendiri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun tektik Russia berubah, faham communist yang di-anuti oleh Parti Communist, oleh orang<sup>2</sup> Russia,

communist tidak berubah dan mereka itu tidak pernah mengatakan yang kami ini berhenti daripada menghasut kaum buroh sa-dunia memberontak untuk menegakkan negara communist. Jadi sebab itu, kalau kita bermain<sup>2</sup> mata dengan communist, maka perchaya-lah influence communist ini akan masuk ka-dalam negara kita dan mereka akan melakukan apa sahaja yang boleh bagi menghidupkan gerakan communist di-dalam negeri kita ini dan ini akan mengancham negara kita, kerana di-mana<sup>2</sup> juga communist tidak melakukan sa-suatu melainkan kerosakan di-muka bumi ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat menjaga betul<sup>2</sup> termasuk juga perhubungan perdagangan dengan communist terutama dengan Communist China yang berjalan sekarang ini. Saya tidak mahu berchakap, tetapi Kerajaan boleh memerhatikan, memikirkan dan menimbang-kan betul<sup>2</sup> apa yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Star Selatan—kalau tidak salah-nya, ia-itu Dr Mahathir, sangat-lah bernilai untuk di-pertimbangkan benar<sup>2</sup> oleh Kerajaan untuk keselamatan negeri ini. Dari segi psychology ra'ayat negeri ini yang terdiri dari berbagai<sup>2</sup> keturunan, sangat-lah tidak baik hubungan dengan China Communist sa-hingga melem-pah<sup>2</sup>-nya barang<sup>2</sup> buatan communist di-dalam negeri kita ini di-benarkan masuk yang merupakan satu ikhtiar<sup>2</sup> yang baik kepada communist untuk melancharkan dan menjayakan perang urat sarap mereka, perang propaganda mereka di-luar negeri khusus-nya di-Tenggara Asia ini. Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Kerajaan memikirkan dan menimbang-kan betul<sup>2</sup> dalam perkara ini supaya kita tidak kehilangan tongkat dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ia-lah soal Maphilindo. Saya tidak mahu berhenti daripada berchakap soal Maphilindo ini walau pun pehak Kerajaan mengatakan, ini kita patut lupa, dia sudah mati. Tidak betul untuk mengatakan dia telah mati. Sebab Maphilindo telah di-bangunkan dengan persetujuan bersama antara Indonesia, Filipina dan Malaysia, dengan chadangan daripada President Macapagal.

Kita tidak boleh mensifatkan ini mati dengan kerana pengundoran Indonesia sebab bukan President Sukarno yang menchadangkan Maphilindo dan bukan President Sukarno yang menyebabkan terhapus-nya perjanjian ini.

Perbuatan President Sukarno itu di-sangkal dan di-tentang oleh sa-bahagian ra'ayat-nya juga dan kerana itu kita tidak patut menchari jalan untuk mengatakan ini telah mati sa-mata<sup>2</sup> dengan kerana tindakan Indonesia melancharkan konfrantasi terhadap kita. Kalau kita dapat berlaku gentle-men sa-bagai sa-buah negara yang bermoral, apa salah-nya kita mengakui wujud-nya tetapi perlu di-kaji sa-mula. Saperti sikap yang di-ambil oleh Filipina apabila Malaysia mengatakan dia patut di-lupakan kerana telah mati dalam bedongan, Setia-usaha Luar Filipina mengeluarkan kenyataan ter-peranjat, sebab sa-tahu dia belum pernah lagi di-rundingkan dan belum pernah lagi di-matikan soal Maphilindo ini. Kalau hendak di-katakan mati, mesti-lah ketiga<sup>2</sup> pehak ini mengadakan persidangan dan memamatkan, melupakan Maphilindo dan kemudian Indonesia masuk ASA di-tukarkan nama ASA pada nama yang lain atau kekal dengan nama ASA baharu-lah di-sifatkan mati. Tetapi dengan keadaan kita sekarang ini untuk mengata-kan mati tentu tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Kerajaan patut bersikap mempunyai moral dan gentleman kerana Kerajaan Filipina yang Setia-usaha Luar-nya berchakap patut di-rundingkan dahulu baharu di-katakan mati ia-lah Kerajaan baharu, Kerajaan Parti lain bukan Kerajaan Macapagal—Kerajaan Parti lain. Macapagal telah kalah pilihan raya, Parti-nya telah kalah pilihan raya. Kerajaan Parti lain telah naik memerintah tetapi dia pegang kepada apa yang di-lakukan oleh Kerajaan yang terdahulu. Jadi kita maseh kita juga, Kerajaan Perikatan maseh Kerajaan Perikatan juga. Bagaimana kita boleh melakukan satu yang menyebabkan image kita rosak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut tidak membangunkan perkara ini, tidak membangkitkan perkara yang di-lupakan,

tetapi elok-lah di-chari ikhtiar, rundingan perkara ini di-meja, kemudian itu elok-lah di-chari ikhtiar meluaskan ASA itu dengan memujuk Indonesia supaya masok sama di-dalam ASA atau nama lain-nya yang akan dinamakan kemudian daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, beberapa hari yang lalu pehak Kerajaan Siam ada memberi satu kenyataan yang barangkali salah report akhbar dan terasa menyinggong kita, ia-lah soal yang di-katakan kita tidak melayan baik kepada ra'ayat keturunan Siam di-negeri kita dan Kerajaan Siam sanggup menerima orang<sup>2</sup> dia balek ka-Siam dan dia mengungkit<sup>2</sup> pula tentang dia telah menolong Malaysia waktu banjir, dia telah menangkap dan membebaskan orang<sup>2</sup> nelayan<sup>2</sup> kita. Saya tidak mahu membangkitkan perkara ini terlalu banyak, saya tidak mahu mengulas. Saya lebeh suka Kerajaan Persekutuan bertindak mengulas dengan bijaksana menjawab kenyataan Kementerian Luar Negeri Siam. Itu-lah yang lebeh baik untuk menjaga perpaduan kita.

Tetapi oleh kerana berita surat khabar ini di-bacha oleh dunia dan bo'eh jadi ini timbul salah faham daripada report Konsul Siam (Konsul Thailand) di-Kota Baharu atau entah dari sumber mana yang terjadi bagini, kita patut-lah membetulkan chepat sebab tidak patut-lah sa-buah negeri jiran menchampori atau interfere masalah dalam negeri kita. Kerana apabila sa-kali sahaja orang<sup>2</sup> keturunan Siam itu telah menjadi warga negara Malaysia, maka tidak ada hak kepada negara Thailand menchampori urusan ra'ayat atau warga negara Malaysia, lain-lah kalau mereka bukan warga negara Persekutuan. Tetapi mereka itu telah menjadi warga negara dan mereka telah di-beri layanan yang sama seperti orang<sup>2</sup> lain tidak patut-lah chuba di-beri tafsiran yang boleh menimbulkan salah faham di-antara negara kita yang sama<sup>2</sup> sedang menchari jalan bagaimana dapat menggabongkan kuasa dan tenaga kita menghadapi bahaya kominis daripada utara dunia ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan Persekutuan tidak akan mem-bisu sa-lama<sup>2</sup>-nya dalam soal ini. Patut

di-beri penjelasan kepada dunia dalam soal apa yang di-keritikkan mungkin salah faham daripada pehak Kerajaan Thailand sendiri.

Satu hal lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal luar negeri ini ia-lah soal Vietnam dan masaalah perdamaian. Bagi kepentingan strategi kita yang tidak mahu melihat kominis mara, Vietnam tidak-lah mesti menjadi kominis. Vietnam mesti tidak di-tangan kominis. Sebab di-antara Saigon dengan Kota Baharu lebeh kurang 400 batu sahaja. Sa-barang angkatan laut armada musuh boleh menyusor pada tiap<sup>2</sup> musim tengkujuh dan kapal<sup>2</sup> terbang susah hendak menchari gerakan<sup>2</sup> kapal<sup>2</sup> perang yang berjalan dalam waktu musim tengkujuh seperti yang telah berlaku dalam tahun 1941, waktu Jepun menyerang Malaya, kapal terbang pengakap British telah tidak dapat mengesan pergerakan kapal<sup>2</sup> perang Jepun daripada Telok Siam.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal-nya sekarang ini Amerika mengambil peranan yang paling besar di-Vietnam, dan telah bertahun<sup>2</sup> peperangan itu berjalan membunuh manusia, mengorbankan manusia, sedangkan Amerika sendiri telah sedar di-dalam keadaan yang berlaku di-Vietnam itu sendiri, Amerika tidak dapat membedzakan mana yang Viet Kong, mana yang Vietnam, mana yang tidak kominis dan mana yang kominis. Berlainan di-Malaya, dalam gerakan kominis dahulu mudah di-perbedzakan tetapi di-Vietnam tentu-lah sukar untuk di-bedzakan. Dengan kerana itu peperangan telah menjadi lanjut dan bertambah<sup>2</sup> lama Amerika tinggal di-sana maka bertambah berat-lah bagi dunia bebas memikul beban ini dan bertambah banyaklah musnah harta benda dan nyawa manusia dengan kerana peperangan yang di-anjorkan oleh kominis bukanlah juga peperangan yang kechil kerana dia berjuang dengan akidah—dengan keyakinan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-barang ikhtiar untuk mendamaikan itu hendak-lah di-alu<sup>2</sup>kan. Tetapi Amerika nampak-nya tidak begitu bersedia untuk berdamai sebab dia kuasa besar, dia tunggu, tetapi banyak syarat<sup>2</sup> lain yang berjalan rundingan<sup>2</sup> di-belakang

layar yang tidak dapat di-terima. Sebab itu tidak ada persetujuan akhir-nya dia bom balek. Dia taroh periok<sup>2</sup> api di-sungai<sup>2</sup> ini membahayakan bukan sahaja bekalan<sup>2</sup> yang di-bawa oleh kominis untuk menolong Selatan, tetapi membahayakan kepada orang<sup>2</sup> lain. Kalau betul<sup>2</sup> Amerika tidak mahu menerima shor daripada Tuan U Than, U Thant sa-bagai Setia-usaha Agong Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, merentikan serangan bom Vietnam Utara—arti-nya Amerika ingin meluaskan peperangan daripada Vietnam Selatan kepada Vietnam Utara. Kalau Amerika memikirkkan betul<sup>2</sup> bahaya kominis ini berat, bahaya kominis bukan Vietnam Utara yang sa-benar<sup>2</sup>-nya, bahaya kominis di-Tenggara Asia ini di-kawasan dunia sa-belah sini, ia-lah China Kominis sendiri.

Kalau Amerika telah bersedia hendak berperang untuk menghanchorkan kominis, melanggar negeri China, masok ka-ibu dia, serang dia betul<sup>2</sup> baharu-lah betul. Tetapi jikalau tidak bersedia untuk berperang besar<sup>2</sup>an chari-lah jalan perdamaian. Kerana perkara ini telah tergantung semenjak dari Perjanjian Geneva. Perjanjian Geneva yang di-pengerusi bersama oleh British dan Russia telah mempersetujui supaya di-adakan pilihan raya. Tetapi pilihan raya telah tidak di-adakan di-Vietnam untuk menyatukan sa-mula Vietnam, untuk menegakkan sa-buah Kerajaan Vietnam—akibah-nya berlaku peperangan—peperangan yang tidak habis<sup>2</sup>. Ini yang kita tahu.

Di-negeri Vietnam, Tuan Yang di-Pertua, patut saya ma'alumkan juga, ada lagi satu gerombolan yang berjuang—gerombolan Melayu yang menentang Amerika, menentang Vietnam Selatan dan menentang Viet Kong. Di-dalam Vietnam Selatan asal-nya negeri Melayu, chempa di-situ ada lebeh kurang empat juta lagi orang keturunan Melayu dan mereka itu ada gerakan<sup>2</sup> untuk mengembalikan Kerajaan Melayu, tetapi tidak di-dengari oleh dunia—ada gerakan yang menentang Amerika, menentang Vietnam Selatan dan menentang Vietkong sama sa-kali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perdamaiian itu-lah mesti di-chari dan Amerika menerima nasehat daripada

U Thant. Kalau activity United Nations—ikhtiar<sup>2</sup> United Nations pun tidak mahu di-perhatikan betul<sup>2</sup> oleh Amerika, dan dia telah bertindak sendiri maka itu-lah yang pernah saya katakan, apa-lah erti-nya United Nations itu sendiri?

Tuan Yang di-Pertua—habis-lah, sekarang saya chuba hendak masok kepada soal pertahanan negara kita ini. Dahulu, lebeh kurang tiga tahun ia-itu tahun 1963, ada saya mengeshorkan dalam Dewan ini supaya Kerajaan membuat kilang peluru dan sa-tahun kemudian saya dengar Kerajaan mengishtiharkan, ada kemungkinan hendak buat kilang peluru—bagus-lah, dan sampai sekarang kilang itu belum ada. Kita harap kilang peluru itu dapat-lah di-usahakan chepat dan di-adakan dalam negeri kita ini kerana bahan<sup>2</sup> itu ada sadikit sa-banyak dalam negeri kita untuk membuat peluru. Saya tidak mahu ulas apa sebab<sup>2</sup>-nya lagi, kerana perkara peluru telah pernah saya berchakap.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, masaalah pertahanan negara kita ini—tidak dapat saya mengelakkan diri daripada memperkatakan soal tentera<sup>2</sup> Commonwealth yang ada di-negeri kita ini—ya'ani tentera British, Australia dan New Zealand. Akibah pergolakan politik di-England, British sudah mahu menarek sa-bahagian tentera-nya di-luar negeri untuk mengurangkan beban perbelanjaan yang begitu besar. Jadi pada kita, mengeluarkan tentera Inggeris itu harus di-rundingkan dengan kita dan pehak British pun tentu-lah hendak berunding dengan kita. Apakah tidak boleh bagi Kerajaan Persekutuan, mengambil kesempatan bila British hendak merundingkan perkara penarekan tentera-nya sadikit sa-banyak, supaya British menarek keluar semua tentera-nya dari negeri kita dan kalau sa-kira-nya perjanjian itu hendak di-ringankan—tidak mahu di-batalkan, di-adakan perjanjian baharu yang meringankan—ya'ani British boleh-lah menempatkan alat<sup>2</sup> kelengkapan perang-nya, kerana dia tentu tidak mahu keluar dengan mudah—alat<sup>2</sup> kelengkapan perang di-letakkan di-sini dan ada satu pasokan mechanic (engineering) yang menjaga itu, yang

lain<sup>2</sup> semua-nya balek-lah. Kalau berlaku peperangan—musoh luar melanggar negeri ini, baharu-lah tentera British datang—sementara itu tentera Amerika pun sudah ada dengan Angkatan Laut yang Ketujoh-nya. Jadi dengan jalan itu beban British pun hilang dan Malaya pun merasa moral-nya tinggi sedikit kerana tidak ada tentera asing menduduki negeri kita. Peluang ini patut di-ambil oleh Yang Berhormat Tun Abdul Razak merundingkan dengan British, tolong dia balek semua sa-kali dan biar-lah barang<sup>2</sup>-nya tinggal di-sini. Kalau dia tidak mahu pakai, kita pakai-lah perlahan<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, jika British telah tidak ada di-sini, Australia telah tidak ada di-sini, New Zealand telah tidak ada di-sini—berdasarkan kepada Perjanjian Pertahanan Bersama di-buat sa-belum merdeka sa-bagai satu paksaan kepada kita sa-waktu kita belum merdeka—perjanjian yang tidak 'adil itu, kita buat sa-mula perjanjian baharu—boleh kita rundingkan ikhtiar<sup>2</sup> baharu, usahakan ikhtiar<sup>2</sup> baharu dengan menyatukan Australia, New Zealand, Indonesia, Philipina, Malaysia dan Thailand ka-dalam satu perjanjian pertahanan bersama bagi kepentingan dunia sa-belah sini yang kebetulan kita semua, yang saya sebutkan tadi, yang memang orang yang dudok di-sini, bukan seperti British yang dudok-nya berbelas<sup>2</sup> ribu batu daripada negeri kita ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau perjanjian di-antara New Zealand, Australia, Indonesia, Malaysia, Philipina dan Thailand di-buat, lebeh baik-lah bagi kita dan itu-lah yang sa-patut-nya kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Abdul Razak sa-bagai Menteri Pertahanan baharu<sup>2</sup> ini mengishtiharkan dalam tahun ini, pegawai<sup>2</sup> tinggi tentera kita akan bertukar dan ini ada-lah satu berita yang sangat baik, ya'ani negeri ini sendiri yang akan menjadi pegawai<sup>2</sup> tinggi tentera negeri kita, dari semua angkatan laut, udara dan darat. Tetapi dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita negara muda, pegawai<sup>2</sup> yang berpengalaman maseh di-kehendaki, saya fikir sa-kira-nya Kerajaan boleh melanjutkan atau boleh menun-

jok supaya pegawai<sup>2</sup> kita yang berpengalaman sa-bagai pemimpin<sup>2</sup> tentera negeri kita ini dari anak negeri, patut-lah tidak di-benarkan bersara pada waktu yang boleh bersara, pada hal waktu itu dia boleh lagi mengetuāi pasokan atau boleh lagi memegang pimpinan menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya sa-bagai Panglima Tentera—biar-lah agak<sup>2</sup> dekat nyanyok, kalau hendak berhenti pun. Kita tidak timbul dengan masalah itu menghalangkan kenaikan pangkat pegawai<sup>2</sup> bawah, sebab pasokan tentera ini patut di-perbesarkan lagi dengan alat<sup>2</sup> senjata yang moden, dengan kilang peluru yang kita buat sendiri—tidak payah banyak beli peluru daripada luar negeri, dan kemudian dengan ada-nya pasokan<sup>2</sup> volunteer macham Tentera Wataniah dengan di-pimpin oleh kepala<sup>2</sup> tentera yang berpengalaman yang bercommission betul<sup>2</sup>, jadi dengan itu banyak-lah peluang<sup>2</sup> kenaikan pangkat itu ada dan kita ada satu tentera simpanan yang bersedia berjuang pada bila<sup>2</sup> masa sa-lain daripada tetap yang tidak mampu kita membayar gaji-nya terlalu besar kalau hendak di-besarkan tentera dengan kedudukan kewangan negeri kita. Jadi saya harap ini dapat Kerajaan usahakan supaya pegawai<sup>2</sup> yang berpengalaman tidak-lah di-biarkan penchen—macham sekarang ini, kita mendengar banyak Major<sup>2</sup> pun ada penchen, Bregedier<sup>2</sup> pun ada penchen—pada hal kalau kita tengok orang itu muda, sedap lagi berbual dengan kita, tetapi telah bersara.

Penchen<sup>2</sup> ini yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada sebab<sup>2</sup>—ada sa-suatu yang tidak puas hati di-kalangan tentera yang menyebabkan pegawai<sup>2</sup> ini berasa bosan dan dia rasa peluang penchen sudah sampai, dia minta penchen. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, jika ada kebosanan itu dari satu<sup>2</sup> sebab, maka satu<sup>2</sup> sebab itu hendak-lah di-chari dan hendak-lah diperbaiki dalam tentera kita supaya ke'azaman berjuang itu mesti-lah menjadi darah-daging kepada semua tentera kita untuk mempertahankan negara kita yang pada bila<sup>2</sup> masa boleh terchebor dalam satu keadaan yang burok.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya berasa sukachita beberapa orang

pelajar<sup>2</sup> Melayu yang pergi belajar di-Masir—di-sana mereka telah masuk Cadet Officer, masuk Accademi Tentera Masir, Republic Arab Bersatu, dan mereka balek, alhamdulillah, Kerajaan kita pun telah bermurah hati menerima mereka sa-bagai pegawai<sup>2</sup> tentera kita. Oleh kerana itu saya fikir peluang<sup>2</sup> yang sa-macam ini tentu-lah menguntongkan pelajar<sup>2</sup> kita yang di-Masir sekarang ini—ada lebeh kurang sa-puluh orang yang pergi belajar ugama di-sana, kemudian dia pindah masuk dalam Accademi Tentera untuk menjadi officer. Dan kalau sa-puluh orang ini balek, mereka pun boleh di-terima oleh Angkatan Tentera kita. Tetapi satu perkara yang saya berasa kechewa oleh kenyataan Kerajaan ia-itu kalau sa-kira-nya Kerajaan Masir hendak terima masuk latehan officer di-negeri Masir, patut-lah ambil yang lulus F.M.C., jadi kelulusan ini di-sharatkan. Saya rasa tidak-lah bagitu baik sebab bagi pelajar<sup>2</sup> yang telah menyambong pelajaran ka-Masir yang telah di-terima masuk ka-Accademi Tentera di-Masir itu tentu-lah yang kelayakan-nya lebeh daripada pelajar<sup>2</sup> yang telah lulus F.M.C.—ada pengetahuan umum dan lain<sup>2</sup> yang melayakkan dia itu di-terima berlateh.

Dengan kerana itu kalau di-sharatkan itu susah-lah penuntut<sup>2</sup> yang belajar ugama daripada Malaya yang mengerti Arab, dia tidak mengerti orang puteh dan Kerajaan tentu-lah lebeh mementingkan orang puteh walau bagaimana pun untuk mendapat latehan tentera di-sana tentu-lah perlu kepada Arab, dan ada baik-nya pegawai<sup>2</sup> kita ada yang akan menyusahkan tentera kita juga dengan kerana kebetulan kalau boleh berbahasa asing sa-lain dari bahasa Inggeris. Mithal-nya kita pergi ka-Congo mujor-lah boleh berchakap orang puteh sedikit<sup>2</sup> tetapi kalau kita kena menjaga keamanan di-negeri Arab pula, mithal-nya di-Yaman, jadi tidak ada pegawai yang mengerti Arab, mengerti orang puteh belaka, jadi susah. Jadi patut-lah jangan di-ketatkan perkara yang sa-macam itu. Beri-lah peluang negara kita ini mempunyai sa-banyak<sup>2</sup> pemimpin<sup>2</sup> tentera daripada saloran mana sakali pun dengan tidak mengikat syarat<sup>2</sup>

yang terlalu ketat kerana contoh-nya telah ada pegawai<sup>2</sup> yang balek baharu<sup>2</sup> ini daripada Masir telah di-terima oleh Kementerian sedangkan mereka tidak lulus di-sekolah<sup>2</sup> Inggeris di-Malaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, habis-lah bab itu, saya chuba hendak sentoh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan pula—Menteri-nya tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini satu daripada beberapa Kementerian yang sangat penting bagi sa-buah negara. Ini tidak shak lagi di-aku<sup>2</sup> oleh kita semua-nya. Satu Kementerian yang sibok, kerja-nya banyak, tanggungjawab-nya pun besar juga kalau tidak kachau-bilau negeri ini, ra'ayat pechah, gudang<sup>2</sup>, kedai<sup>2</sup>, kerana dia lapar kerana hendak chari makanan, hendak juga itu dan hendak jaga ini. Tetapi yang saya hairan mengapa Menteri Muda, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, ini yang dahulu-nya ia-itu Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Khalid, entah bagaimana, entah apa-kah sebab pula tahu<sup>2</sup> di-kirim ka-Bonn jadi Duta kita di-German Barat dan Belanda tidak berganti<sup>2</sup> sampai sekarang ini. Ada-kah kerana Menteri Perdagangan dan Perusahaan kita ini terlalu gagah orang-nya (superman) dia boleh menjalankan kerja yang bagini berat atau ada-kah dia fikir kalau ada Menteri Muda sa-orang tentu kena pilih orang Melayu macham Tuan Haji Abdul Khalid barangkali menyusahkan dia hari<sup>2</sup> atau macham mana yang sa-benar-nya kita tidak boleh faham. Kita tahu kerja ini terlalu berat dan patut ada Menteri Muda, kita pun tidak tahu sebab<sup>2</sup> yang betul fasal apa Tuan Haji Abdul Khalid itu di-kirim ka-luar negeri menjadi Duta di-luar negeri. Angin<sup>2</sup> itu kita dengar-lah tetapi sebab<sup>2</sup> betul itu kita tidak tahu tentu-lah pehak Kerajaan tahu tetapi tidak patut-lah Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan tidak di-isi sa-telah bagitu lama kosong.

Saya perchaya sa-sudah saya berchakap hari ini, Menteri Perdagangan dan Perusahaan kita tentu-lah teringat barangkali dia lupa tentang kekosongan

jawatan itu dan dia akan menimbangkan meminta kepada Tunku supaya melantek sa-orang Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan bagi menolong kerja<sup>2</sup> yang banyak dalam Kementerian itu dan dengan ada-nya Menteri Muda dapat-lah kita menjalankan kerja<sup>2</sup> untuk membangunkan ekonomi negeri ini yang orang<sup>2</sup> Melayu pun berasa hendak bangun juga dalam ekonomi dan boleh-lah berhubung dengan Menteri Perdagangan dan Perusahaan, kalau tidak ada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, boleh berjumpa dengan Menteri Muda. Jadi seperti di-dalam Kementerian Pelajaran ada Menteri Muda Pelajaran, jadi mudah-lah bagi gulongan<sup>2</sup> yang menjalankan kerja<sup>2</sup> pelajaran di-dalam negeri ini berjumpa dengan Menteri Pelajaran kalau tidak ada Menteri Pelajaran berjumpa dengan Menteri Muda Pelajaran seperti itu-lah yang saya harapkan biar Kementerian Perdagangan dan Perusahaan itu pun ada Menteri Muda-nya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini patut benar membuat kajian samula terutama dasar liberal—dasar kebebasan berniaga (free enterprise) patut di-buat kajian samula di-dalam negeri kita ini. Sebab kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan di-dalam memajukan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama boleh-lah di-puji sa-kali pun tidak bagitu berjaya. Bagitu juga usaha<sup>2</sup> Kerajaan mewujudkan FAMA bagi menampung segala usaha<sup>2</sup> ra'ayat di-kampong<sup>2</sup> boleh-lah di-puji sa-kali pun tidak termasuk membeli getah dan bagitu juga langkah mengkuborkan RIDA yang telah gagal dengan menggantikan MARA sambil mempelajari sebab<sup>2</sup> kesalahan<sup>2</sup> dan kesilapan<sup>2</sup> RIDA dahulu, boleh-lah di-puji akan tetapi segala usaha<sup>2</sup> itu susah hendak berjalan lancar jika tidak ada perimbangan antara Jabatan<sup>2</sup> baharu seperti MARA, FAMA dan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama dengan dasar perekonomian bebas, dasar "free enterprise", dasar perniagaan bebas yang ada di-dalam negeri ini.

Jadi kalau mahu success, kalau mahu kejayaan di-dalam usaha<sup>2</sup> MARA, usaha<sup>2</sup> FAMA dan usaha<sup>2</sup> sharikat kerjasama, hendak-lah di-kaji samula dasar perniagaan bebas sa-hingga mem-

bolehkan perimbangan yang sama, membolehkan dasar perniagaan berjalan tidak tersentuh, tidak merosakkan, FAMA boleh berjalan, MARA boleh berjalan dan sharikat<sup>2</sup> kerjasama di-dalam ini boleh berjalan untuk kejayaan—semua-nya itu pengorbanan mahu tidak mahu terpaksa di-lakukan. Arti-nya dasar perniagaan bebas sekarang ini mesti di-korbankan sedikit sa-banyak bagi membuka jalan kepada kejayaan MARA, FAMA dan sharikat<sup>2</sup> kerjasama. Kalau sa-kira-nya dasar perniagaan bebas yang berjalan hari ini tidak mahu di-tinjau, tidak mahu di-betulkan kembali, tidak mahu di-perbaiki keadaan yang membuka jalan kepada yang lain<sup>2</sup>, maka Kerajaan akan menchurah wang sa-mata<sup>2</sup> sedangkan hasil-nya bertahun<sup>2</sup> kemudian-nya ia-lah kerugian dan penyesalan sa-mata<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh soal Kementerian Pelajaran walau pun saya telah menchatitkan sedikit sa-banyak, saya rasa sudah cukup-lah Menteri Pelajaran ini kalau dia merasa terlalu berat dia notis 24 jam berhenti sebab dia dengan bekas Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Enche' Abdul Rahman Talib, sudah bertengkar di-Dewan Ra'ayat sudah cukup-lah orang ramai boleh faham, betapa failure-nya, betapa gagal-nya Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib itu sendiri dalam pelaksanaan-nya di-dalam tanah ayer kita ini. Sebab itu terkapong<sup>2</sup> bahasa kebangsaan di-dalam negeri ini tidak sampai ka-mana dan tidak ada jaminan bagi penuntut<sup>2</sup> yang keluar Sekolah Menengah Kebangsaan sa-kali pun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berchakap banyak dalam hal itu sebab sudah nyata Kementerian Pelajaran yang mendapat peruntukan terlalu banyak di-tahun ini—\$286 juta lebeh tidak akan berjaya membawa kepada dasar yang baik yang konkrit kepada perpaduan negara kita di-masa hadapan. Tidak ada sekolah kebangsaan yang first class, sekolah<sup>2</sup> jenis kebangsaan maseh berjalan terus sampai sekarang pada hal kita mahu menyatukan satu bangsa Malaysia, anak<sup>2</sup> boleh di-satukan daripada kechil dengan menyatukan dan menggaulkan mereka itu seperti Inggeris telah menchelup

kita melalui sekolah<sup>2</sup> Inggeris "primary", anak<sup>2</sup> Melayu dan lain<sup>2</sup> kaum di-negeri ini yang masuk sekolah Inggeris dan dapat mesra daripada kanak<sup>2</sup> sa-hingga ka-sekolah menengah sampai ka-University tetapi hasil yang dijalankan sekarang ini dengan anak China dalam sekolah jenis kebangsaan China, anak Tamil di-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sa-bagai-nya, tidak boleh membawa kepada dasar penyatuan bangsa Malaysia dalam tempoh yang singkat. Jadi hujong-nya ia-lah gagal, hujong-nya ia-lah kecahauan, oleh kerana chara berfikir yang tidak sama yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan yang hanyut<sup>2</sup> di-dalam pelaksanaan dasar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak meninggalkan itu tetapi saya hendak menyentoh Kementerian Penerangan dan Penyiaran sa-bagai satu alat yang penting kepada negara ini. Sa-sudah 10 tahun kita merdeka, tahun yang ka-sepuluh sekarang ini, Kementerian Penerangan dan Penyiaran tidak dapat menunjukkan image nasional yang betul<sup>2</sup> melalui Kementerian ini. Radio tidak ada radio national. Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka harus-lah mempunyai radio kebangsaan. Walau pun siaran<sup>2</sup> Inggeris telah di-kurangkan waktu-nya sejak beberapa tahun tetapi apa yang saya katakan ini terbukti dalam susunan Jabatan Radio itu ada yang di-katakan Perkhidmatan Melayu. Bila di-katakan Perkhidmatan Melayu artinya satu perkhidmatan tempal<sup>2</sup> (attach) kepada perkhidmatan yang besar dan ini tidak patut di-akan. Kita harus ada satu Radio Kebangsaan yang menyiarkan semua programme-nya dengan bahasa kebangsaan dan kemudian itu untuk hiburan, selingan<sup>2</sup> dalam bahasa China, bahasa Tamil, lagu<sup>2</sup> mithal-nya, untuk siaran bahasa Inggeris, untuk lagu<sup>2</sup> bahasa Inggeris mithal-nya bolehlah di-buat dalam waktu<sup>2</sup> lain yang di-buat programme khas supaya siapa yang hendak mendengar lagu<sup>2</sup> sedap dalam bahasa<sup>2</sup> lain di-tune-lah pada waktu radio-nya itu sendiri. Tetapi programme nasional mesti-lah dalam bahasa kebangsaan seluruh-nya dan kita boleh mengadakan siaran luar negeri yang menggunakan berbagai

bahasa boleh di-buka oleh warganegara Persekutuan yang ada di-negeri ini dan di-luar negeri dan boleh di-dengar oleh manusia<sup>2</sup> di-dunia lain. Tetapi bagi kita untuk mewujudkan lekas kedudukan yang bermutu kebangsaan, mesti-lah dengan berani kita bertindak menyatukan perkhidmatan ini dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-mata<sup>2</sup>.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang aneh-nya Kementerian ini telah tidak berjaya atau sengaja tidak melakukan sa-suatu apa dalam Kementerian ini. Sebab itu-lah berita<sup>2</sup> indok untuk siaran<sup>2</sup> Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini melalui radio, televisyen dan sa-bagai-nya di-dalam bahasa Inggeris kemudian di-Melayukan. Kalau laporan datang dengan Melayu di-terjemahkan ka-Inggeris dan kembali di-terjemahkan ka-Melayu tentulah sangat memalukan perbuatan ini. Kerajaan boleh melakukan semenjak bertahun<sup>2</sup> yang lalu kalau Kerajaan mahu menukarkan pegawai<sup>2</sup> yang tidak mengerti bahasa kebangsaan ka-Jabatan<sup>2</sup> lain atau dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran boleh di-kirim ka-luar negeri dan di-isi dengan orang<sup>2</sup> Melayu atau bukan Melayu yang memahami bahasa kebangsaan di-tempat itu. Boleh di-lakukan bertahun dahulu, tetapi Kementerian Penerangan dan Penyiaran tidak membuat sa-suatu sa-hingga mengikut ulasan akhbar beberapa hari yang lalu baharu<sup>2</sup> ini di-ambil satu orang lagi di-dalam Bahagian Pemberita yang tidak mengerti juga bahasa kebangsaan ia-itu dalam tahun<sup>2</sup> yang hampir kepada pelaksanaan bahasa kebangsaan. Jadi merupakan suatu pengkhianatan yang sengaja dari Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Jawapan di-da'am Dewan Ra'ayat baharu<sup>2</sup> ini untuk melepaskan diri sahaja dari kechaman<sup>2</sup> yang di-buat oleh anggota<sup>2</sup> Perikatan sendiri di-dalam Dewan Ra'ayat baharu<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, Talivishen pula sementara menanti studio yang baharu, Menteri mempunyai alasan banyak—konon tidak boleh buat apa<sup>2</sup>. Tetapi saya tidak fikir tidak boleh berbuat apa<sup>2</sup>. Kalau filem<sup>2</sup> yang di-tunjokkan di-dalam talivishen saperti

filem *Samurai* dapat di-dabingkan ka-bahasa Inggeris, mengapa filem *Samurai* tidak dapat di-dabingkan ka-bahasa Melayu—bahasa kebangsaan, mengapa filem lain tidak dapat di-ikhtiarkan supaya di-dabingkan ka-bahasa kebangsaan dengan ada sub-title Inggeris? Ini bukan maksud lain, bagi maksud supaya orang ramai dapat mengikuti bahasa kebangsaan melalui *cherita*<sup>2</sup> dan orang ramai yang kurang faham dapat mengikuti terjemahan sedikit dan memahamkan lagi bahasa kebangsaan. Ini juga merupakan satu ikhtiar mengajar dan mendidik bangsa kita dalam bahasa kebangsaan. Tetapi ini tidak di-buat. Saya tidak tahu apa yang di-buat oleh talivishen, apa yang di-lakukan oleh Pengarah-nya, apa yang di-lakukan oleh pegawai<sup>2</sup>-nya sehingga penchabulan terhadap lagu kebangsaan negara kita pun boleh diizinkan melalui talivishen.

Tuan Yang di-Pertua, dua tiga minggu yang lalu saya menuntun satu filem talivishen—“Song of Memories”, satu filem Mandarin. Filem itu ada menyanyikan satu lagu. Lagu itu betul<sup>2</sup> berentak Terang Bulan. Jadi rentak Terang Bulan ini sa-benar-nya ada dalam lagu Pakistan, ada dalam lagu Italy, ada dalam lagu China dan ada dalam lagu Indonesia dan kemudian kita pinjam lagu ini dengan irama-nya di-pakai oleh lagu kebangsaan Perak menjadikan lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu dan sekarang Malaysia. Jadi kalau telah kita jadikan lagu kebangsaan pehak Indonesia sewaktu kita merdeka telah melarang sama sa-kali di-seluruh negara daripada memainkan atau menyanyikan lagu Terang Bulan kechuali di-lakukan oleh Soekarno sa-bagai penghinaan terhadap kita waktu mula<sup>2</sup> konfrantasi dahulu, sebab memang-lah lagu Negara Ku kita patut di-hormati. Tetapi kita dapati sekarang ini pegawai<sup>2</sup> talivishen kita sendiri mengizinkan Talivishen Malaysia sendiri membiarkan satu filem yang menyanyikan satu lagu mempunyai tempo lagu kebangsaan negara kita. Jadi ini satu perkara yang tidak boleh di-ma’afkan, kechuaian pegawai<sup>2</sup> itu sendiri di-dalam tugas-nya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini satu kesilapan yang pertama dan mu-

ngkin beberapa kali kesilapan akan berlaku ada lagu Hindustan pula masuk sebab ada lagu Hindustan yang berirama Terang Bulan. Jadi saya sukachita-lah, Tuan Yang di-Pertua, menchadangkan kira-nya Tunku Abdul Rahman bermurah hati untuk menimbangkan fikiran Pembangkang, adallah sa-baik<sup>2</sup>-nya di-tukarkan lagu kebangsaan kita ini kapada lagu jenis lain, dengan shair yang lain atau shair yang sama tetapi lagu-nya lain. Tidak ada sebab tidak boleh di-tukar satu lagu kebangsaan sebab beberapa hari ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah berkenaan mengatakan lagu rasmi bagi negeri Selangor yang baharu yang di-karang oleh Saudara Saiful Bahri akan di-perdengarkan dengan rasmi-nya pada hari keputeraan baginda besok. Jadi kalau negeri Selangor boleh mengadakan satu lagu kebangsaan yang baharu, sama sahajalah, negara kita Persekutuan pun boleh mengadakan lagu kebangsaan yang baharu.

Saya berharap Perdana Menteri akan bersetuju dengan saya bahawa sa-buah lagu yang baharu sa-bagai lagu kebangsaan patut-lah di-fikirkan dan di-adakan menggantikan lagu yang ada. Lagu yang sekarang ini yang bertempo Terang Bulan yang mungkin akan berlaku lagi beberapa kekhilafan<sup>2</sup> di-sengaja atau tidak sengaja oleh orang<sup>2</sup> di-dalam negeri atau bangsa lain di-luar negeri yang menyebabkan kita merasa tersinggong kerana lagu kebangsaan dan bendera kebangsaan ia-lah benda<sup>2</sup> yang paling tinggi nilai-nya pada satu<sup>2</sup> bangsa itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya sukachita hendak menyentoh dalam soal talivishen dan Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, saya suka kira-nya dapat di-ikhtiarkan mithalnya ada derama moden Tamil, ada derama moden China yang kadang<sup>2</sup> Cantonese, kadang<sup>2</sup> Mandarin, ada derama Melayu. Saya suka kalau dapat di-Malaysiakan ya’ani hendak-lah Kerajaan merupakan penggalak yang paling besar, yang paling bersungguh<sup>2</sup> ia-itu sa-barang derama, sa-barang apa juga yang di-kemukakan berupa bagitu hendak-lah di-Malaysiakan ya’ani

hendak-lah di-champorkan pelakun<sup>2</sup>-nya di-dalam sa-suatu derama itu yang berchampur dari orang<sup>2</sup> Malaysia yang menggunakan bahasa kebangsaan. Inilah satu langkah yang boleh encourage, yang boleh menarek perhatian, yang boleh menggalakkan kepada pemakaian bahasa kebangsaan dan menunjokkan image Malaysia kepada orang<sup>2</sup> yang maseh ragu<sup>2</sup>, dan saya rasa kalau itu di-buat ada lebih baik dari apa yang di-buat sekarang ini dengan menggunakan berbagai<sup>2</sup> bahasa berarti mahu tidak mahu di-aku<sup>2</sup> penggunaan multilingualism itu berjalan di-tanah ayer kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak menyentoh soal Kementerian Tanah dan Galian. Di-Dewan Ra'ayat heboh juga dan dalam ucapan penanggohan kelmarin. Susah ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab kelmarin ini kata orang Utara Malaya dan Indonesia pun menggunakan kelmarin, tetapi orang Selangor ini sa-malam—jadi saya pakai kelmarin yang betul-nya. Soal pemecahan estate, ini pada dua pendapat, pendapat pertama daripada kajian ekonomi ia-itu daripada Professor Ungku Abdul Aziz dari segi kehidupan pula ia-lah dari buroh<sup>2</sup> kita sendiri. Buroh<sup>2</sup> menentang pemecahan estate, kerana boleh merugikan kepentingan mereka dan akan hilang facilities mereka yang sa-lama ini mereka dapati saperti perubatan, persekolahan dan sa-bagai-nya. Dari segi ekonomi pula arti-nya akan merugikan ekonomi negara. Ini telah banyak di-perchakapkan dalam Dewan Ra'ayat dan juga di-dalam akhbar<sup>2</sup>.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita melihat pemecahan estate ini hendak-lah di-lakukan sa-chara bersunggho<sup>2</sup> oleh Kerajaan sendiri melalui badan<sup>2</sup> saperti MARA, melalui badan<sup>2</sup> apa juga-lah, tetapi mestilah di-lakukan dengan sa-chara bersunggho<sup>2</sup>. Sebab itu akan memecahkan monopoli.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, waktu kita baharu merdeka dahulu kedudukan tanah di-negeri kita ini, kedudukan tanah di-dalam negeri kita ini, tidak kira Malaysia Timor, kita di-Tanah Melayu. Daripada kira<sup>2</sup> tujuh

juta ekar tanah di-dalam Semenanjung Tanah Melayu yang telah di-buka, yang telah menjadi bandar, yang telah menjadi kebun dan telah menjadi kampong, empat juta ekar ada-lah milik kapitalis<sup>2</sup> asing dari Eropah. Tiga juta ekar milik ra'ayat negeri ini atau pun orang<sup>2</sup> dagang yang bukan orang Eropah. Jadi, kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, o'eh kerana estate<sup>2</sup> monopoli kepunyaan orang<sup>2</sup> Eropah itu membayar chukai<sup>2</sup> ada yang satu ekar satu sen ada yang sa-puluh sen sa-lama ada mata hari dan bulan dan ada juga 999 tahun—maka sa-barang usaha yang membolehkan pemecahan monopoli orang<sup>2</sup> barat terhadap tanah<sup>2</sup> di-negeri ini hendak-lah di-galakkan dan di-tolong bersunggho<sup>2</sup> o'eh Kerajaan supaya terpechah monopoli orang<sup>2</sup> dagang terhadap tuan<sup>2</sup> tanah di-negeri kita ini. Chuma yang di-takuti oleh kaum buroh ia-lah peluang<sup>2</sup> mereka itu hidup. Itu betul dan ini hendak-lah Kerajaan bersedia dan saya dan siapa juga tentu-lah bersimpat, bertimbang rasa degan kaum buroh yang akan terkorban jika estate<sup>2</sup> itu di-pechah menyebabkan mereka itu kehilangan pekerjaan dan menjadi penganggor. Mereka dapat kerja tetapi kehilangan hak<sup>2</sup> perubatan perchuma dan sa-bagai-nya yang di-dapati melalui estate sa-lama ini, dan ini hendak-lah di-perhatikan oleh Kerajaan dengan apa ikhtiar juga supaya keadaan itu dapat di-timbangan kembali bukan sahaja kepada buroh<sup>2</sup> estate tetapi kepada semua ra'ayat Malaysia hendak-lah di-susun satu ikhtiar yang membolehkan ra'ayat mendapat faedah<sup>2</sup> yang baik terutama ra'ayat yang miskin dan bergaji kechil.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kalau estate<sup>2</sup> ini di-pechah, mithal-nya kalau hendak di-jual oleh pehak tuan punya itu ada orang yang membeli-nya Kerajaan kenakan undang<sup>2</sup>, kenakan syarat<sup>2</sup> pemecahan itu dan hendak-lah di-jual terutama-nya kepada orang<sup>2</sup> yang menjadi buroh itu sendiri. Kalau Kerajaan mampu melalui MARA meminjamkan wang kepada mereka itu membeli tanah<sup>2</sup> itu atau kalau Kerajaan tidak mampu Kerajaan mesti-lah adakan undang<sup>2</sup> yang tanah itu hendak-lah menjadi tanggong jawab, jaminan

Kerajaan dan Kerajaan akan memungut bayaran ansuran kemudian memulangkan harga tanah itu kepada tuan punya yang asal. Ini mesti-lah dilakukan dengan undang<sup>2</sup> dan ini tidak-lah berat jika di-pandangan dengan negeri<sup>2</sup> yang baharu merdeka, yang telah merampas hak milik pedagang<sup>2</sup>, tuan<sup>2</sup> punya, bukan warganegara dari negara<sup>2</sup> yang lain.

Jadi, ini-lah langkah yang patut di-buat dan hendak-lah di-beri tanah itu pada buroh<sup>2</sup> yang bekerja di-situ terutama-nya kemudian dari itu orang<sup>2</sup> lain mengikut politik ekonomi. Kalau ini di-lakukan sa-chara perkampongan, sudah merupakan perkampongan bukan estate lagi sebab hak<sup>2</sup> itu sudah di-kechil<sup>2</sup>kan, dalam perkampongan mereka hendak-lah di-kekal wujud-nya hospita<sup>12</sup> yang telah ada di-situ, hendak-lah di-kekal wujud-nya sekolah<sup>2</sup> yang ada di-situ bagi kepentingan manusia<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> mereka yang ada dalam perkampongan baharu yang tadi-nya bernama estate atau kebun<sup>2</sup> getah. Jadi, mereka tidak akan hilang hak untuk anak<sup>2</sup> mereka be'ajar dan akan tidak hilang hak<sup>2</sup> kemudahan mendapat perubahan dan tidak ada sebab yang Kerajaan mengelak diri daripada mengadakan doktor<sup>2</sup> bagi jumlah ra'ayat-nya bagitu banyak di-satu<sup>2</sup> kawasan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita besarkan lagi hospital, jadi ra'ayat yang berdekatan dengan situ pun dapat datang ka-hospital itu dan ini ada-lah di-kehendaki oleh negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi yang di-takutkan ia-lah mutu getah yang akan di-ke'uarkan oleh saudagar<sup>2</sup> kechil, tuan<sup>2</sup> punya kebun kechil ini akan jatuh dan bila mutu getah-nya jatuh, jatuh harga-nya, jatuh mutu-nya, jatuh-lah pula harga-nya, maka akan merugikan ekonomi negara dan saya mengakui ini ada-lah benar. Kerajaan tidak-lah boleh mempertahankan estate<sup>2</sup> sa-lama-nya. Sementara itu bimbang pula terhadap merosot-nya ekonomi negara kita. Tetapi Kerajaan harus memikir dengan berani bahawa bukan sahaja kebun<sup>2</sup> getah yang di-pechah<sup>2</sup> itu dari estate<sup>2</sup> itu yang mesti di-fikirkan, tetapi keseluruhan-nya perusahaan getah di-negeri ini

hendak-lah di-ikhtiarkan supaya ra'ayat, baik yang mampu atau yang tidak mampu, yang mempunyai pengetahuan atau tidak mempunyai pengetahuan, mesti di-beri pimpinan dan di-kuat kuasa dengan undang<sup>2</sup> yang memestikan mereka itu menjual susu getah kepada, sama ada Persatuan Peladang, peladang getah, mithal-nya, atau kepada FAMA mithal-nya, mesti di-masokkan kuasa FAMA memberi getah, di-kuat kuasakan undang<sup>2</sup> supaya getah kita semua-nya first quality.

Kita tidak mahu getah kita yang bersepah<sup>2</sup> tetapi mutu-nya jatuh. Kita mahu getah kita bermutu tinggi, dapat first grade. Jadi kalau sa-kira-nya, Ranchangan RIDA dan kemudian MARA membeli susu getah banyak penipuan berlaku, banyak pengelatan berlaku, banyak orang tidak menjual getah akhir-nya tutup, banyak tempat<sup>2</sup> pembelian getah telah tutup, kerana ini hanya di-buat dengan galakan<sup>2</sup> sahaja, tidak ada kuasa undang<sup>2</sup>. Ini ia-lah soal nadi negara ini sendiri, sebab itu-lah saya chadangkan di-buat undang<sup>2</sup>, kerana sa-hingga ini getah dan bijeh timah maseh merupakan puncha wang yang besar bagi negara kita.

Jadi membiarkan getah<sup>2</sup> kita kurang mutu, berarti kurang-nya hasil negara, merugikan ekonomi negara. Sebab itu mesti-lah di-ikhtiarkan supaya semua getah<sup>2</sup> kita itu di-keluarkan menjadi mutu yang baik dengan undang<sup>2</sup> memaksa ra'ayat menjualkan susu getah mereka tidak di-benarkan memeshin getah. Ada banyak negara<sup>2</sup> yang membuat sa-suatu dengan berani, yang sa-kali pun nampak tidak demokratik, tetapi tujuan yang di-buat walau pun tidak demokratik sedikit mithal-nya, tidak liberal, ada maksud yang baik, baik kepada ekonomi negara, baik kepada ekonomi orang<sup>2</sup> yang punya getah itu sendiri, dia dapat harga lebeh baik, tetapi jikalau mereka itu bebas sa-macham sekarang mereka itu dapat hasil sedikit, bila hasil sedikit mereka mampu membuat sedikit<sup>2</sup> dengan wang yang sedikit.

Jadi, Kerajaan harus-lah menchari jalan supaya mereka mengubah chara berfikir dan menerima perubahan.

Banyak Rancangan<sup>2</sup> FLDA juga gagal dalam pelaksanaan ini, kerana bersifat galakan, bersifat anchaman sedikit<sup>2</sup> boleh buang daripada kawasan FLDA tetapi orang itu mahu juga menchuri, memesinkan sendiri dan menjual getah sendiri, kerana dia mahu wang sendiri, kerana dia tidak mahu peduli pada orang lain. Kalau Kerajaan adakan undang<sup>2</sup> getah tidak boleh di-beri lagi, melainkan badan<sup>2</sup> tertentu ini yang membeli susu dan siapa yang ada membeli getah—salah, boleh di-tangkap, boleh di-hukum, maka tidak ada tempat orang menjual getah lagi. Baharu-lah susu ini tertentu satu tempat dan quality, mutu getah Ma'aya dapat di-keluarkan dengan mutu yang paling baik dan dapat di-kekalkan getah<sup>2</sup> seperti perkeluaran<sup>2</sup> estate<sup>2</sup> sa-lama ini.

Saya sukachita lagi hendak menambah, saya suka sungoh<sup>2</sup> supaya estate ini di-pecahkan kerana estate ini merupakan sarang<sup>2</sup> yang boleh jadi bermacam<sup>2</sup>. Dalam satu estate ada empat lima ratus orang buroh<sup>2</sup> yang tuan manager-nya, tuan pengurus-nya, menjadi tuan besar di-dalam estate itu. Di-dalam-nya ada sa-tengah<sup>2</sup> tempat itu menjadi sarang judi dan itu private property—payah hendak di-kawal. Masa pilehan raya ini bukan main susah—parti kami ini orang puteh tidak berapa setuju. Dia menjadi Manager Estate itu dia chari helah macham<sup>2</sup>, jangan boleh masuk kempen dalam estate itu. Dia ugut dia gunakan ketua<sup>2</sup> kuli, mandor<sup>2</sup>, overseer<sup>2</sup> mengugot kepada pengundi<sup>2</sup> supaya jangan mengundi Bulan Bintang, pada hal PAS mahu menang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, banyak macham<sup>2</sup> boleh berlaku sampai demokrasi kita pun chachat. Sarang judi pun jadi, yang sa-tengah<sup>2</sup> pu'a ada estate<sup>2</sup>, ada beberapa orang<sup>2</sup> yang merupakan gangster<sup>2</sup>, bukan gangster<sup>2</sup> macham di-bandar, tetapi gangster chara sana-lah kepala<sup>2</sup> samsing; itu pun bagus juga bagi manager<sup>2</sup> itu pelihara, menyimpan orang<sup>2</sup> macham itu hendak menjaga kuli<sup>2</sup> yang lain. Jadi saya fikir, kalau sa-kira-nya telah di-pecahkan jadi kampung baharu dengan ada-nya hospital<sup>2</sup> di-kekalkan, balai polis telah di-buat, maka kita dapat mengawal

keadaan itu lebih baik dengan sharnya hendak-lah di-kawal kedudukan getah, bukan sahaja getah dari bekas<sup>2</sup> estate, malah seluruh getah dalam negeri ini hendak-lah di-jual susu, kedai membeli getah tutup dan tidak ada siapa pun yang boleh membeli getah keping. Kalau dia beli getah keping, maka itu salah. Dengan chara itu susu sahaja yang akan sampai ka-tempat yang sah, yang benar, baharu-lah mutu getah ini dapat naik. Ini berkorban, berkorban kerana kepentingan negara dan kepentingan orang<sup>2</sup> yang mengusahakan getah yang sekarang ini chuai menyebabkan getah-nya menjadi grade tiga. Dengan ini ekonomi ra'ayat dapat di-pelihara dengan undang<sup>2</sup> kerajaan sendiri. Tuan Yang di-Pertua . . .

**Mr President:** Persidangan ini digantungkan bagi sementara.

*Sitting suspended at 11.40 a.m.*

*Sitting resumed at 12.00 noon.*

(Mr President *in the Chair*)

Debate resumed.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya sebutkan soal pemecahan estate. Saya juga telah mengatakan di-antara alasan saya, di-dalam estate<sup>2</sup> ada juga gulongan samseng yang sengaja di-pelihara oleh pengurus<sup>2</sup>—tetapi tidak-lah bererti saya mengatakan semua estate di-dalam negeri kita ini begitu. Sa-kadar yang saya boleh buktikan, pengalaman saya sendiri sa-waktu bertanding pilehan raya tahun 1959 di-dalam Hulu Kelantan. Saya tahu dan polis sendiri tahu—perkara ini telah di-ma'alumkan kepada polis—dia menyaksikan sendiri betapa saya telah di-baling dengan batu, betapa saya telah di-baling dengan buah<sup>2</sup> asam belimbing yang bulat<sup>2</sup> yang maseh mentah, betapa saya telah di-baling dengan telur di-beberapa tempat oleh gerombolan<sup>2</sup> yang sengaja mengikutisa-panjang sungai di-Hulu Kelantan itu, yang memang orang itu ada-lah daripada satu estate khusus dan memang orang<sup>2</sup> itu mendapat galakan daripada pengurus-nya sendiri. Jadi bukti yang saya bicharakan ini tidak bererti keseluruhan-nya semua begitu—tetapi ada. Jadi pemecahan itu ada lebih baik dengan mewujudkan perkampongan<sup>2</sup> baharu dan apa yang boleh

menolong mereka itu ia-lah dengan jalan mengawal dengan Undang<sup>2</sup> Pembelian Susu Getah. Hanya itu-lah satu jalan yang saya percaya boleh ra'ayat mendapat pendapatan yang lebih banyak jika susu getah itu di-machinekan di-satu tempat oleh Persatuan<sup>2</sup> Peladang Getah, mithal-nya, atau Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama yang di-anjorkan bersungoh<sup>2</sup> oleh Kerajaan, tetapi dengan syarat mesti-lah ada perubahan kepada policy Kerajaan dalam free enterprise dan perdagangan bebas yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita juga hendak menyentoh sedikit dalam Kementerian Tanah dan Galian ini—soal lombong<sup>2</sup>. Kita telah banyak mendengar cerita—cerita<sup>2</sup> Ali Baba dan Ali John, ini barangkali sangat-lah susah hendak di-habiskan. Di-Perak, Kerajaan Perak nampak-nya ada bergerak kepada arah yang sangat baik, mengkhaskan kawasan<sup>2</sup> untuk pelombong<sup>2</sup> Melayu dalam kawasan<sup>2</sup> Melayu. Tetapi pada sa-tengah<sup>2</sup> kapitalist yang telah merasa ni'mat monopoly perniagaan yang menguntungkan besar ini daripada perut bumi negeri bangsa Melayu, merasa tidak begitu senang kalau perusahaan lombong ini hendak di-galakkan kepada orang Melayu. Sa-tengah<sup>2</sup> berpendapat, kalau-lah orang Melayu melombong, tentu tidak pandai—tidak ada pengalaman, tidak ada pengetahuan. Tetapi saya tidak berpendapat demikian sebab di-Tanah Melayu ini, sa-belum daripada kemasokan orang<sup>2</sup> bukan Melayu dalam negeri ini—sa-belum kemasokan Inggeris, bijeh telah di-lombong oleh orang<sup>2</sup> Melayu, tetapi dengan chara primitive. Dan kalau di-zaman ini—zaman moden, tidak ada sebab orang<sup>2</sup> Melayu tidak boleh memasoki lapangan lombong seperti orang<sup>2</sup> lain juga, chuma barangkali, oleh kerana keadaan terbiar dalam masa penjajahan—keadaan yang sengaja di-biarkan oleh pehak penjajah bagi kepentingan divide and rule-nya, orang Melayu telah di-lumpuhkan—sadikit sekolah-nya—sadikit-nya itu pun yang mengeluarkan untuk pegawai<sup>2</sup> Kerajaan dan tidak ada galakan bagi perniagaan dan tidak ada pendidekan ka-arrah meninggikan usaha<sup>2</sup> orang<sup>2</sup>

Melayu. Kita harap sa-sudah merdeka patut-lah Kerajaan menggalakkan dan menolong orang<sup>2</sup> Melayu dalam memajukan ekonomi orang Melayu dengan kerjasama dan petolongan daripada ra'ayat negeri ini yang mempunyai pengalaman di-dalam soal perlombongan dan perniagaan.

Tetapi satu perkara yang mengechewakan—kita tidak dapat mengharap pada masa yang sudah<sup>2</sup>, tetapi saya mengharap pada masa akan datang, kita boleh mengharap kerjasama daripada keturunan China di-negeri ini yang mempunyai pengalaman dalam hal lombong—menolong membangunkan orang<sup>2</sup> Melayu supaya dapat juga menikmati hasil tanah ayer-nya sendiri yang sa-lama ini di-angkut di-hadapan mata mereka, seperti bermurah hati-nya orang<sup>2</sup> Melayu memberi hak<sup>2</sup> politik mereka kepada orang<sup>2</sup> asing di-negeri ini yang tentu-lah dapat kita akui bersama—tidak ada hak<sup>2</sup> politik yang dapat diberi oleh mana<sup>2</sup> negeri dalam dunia seperti yang telah pernah di-beri oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kemurahan hati orang<sup>2</sup> Melayu itu sampai hari ini belum di-balas. Sa-orang Melayu mendapat P.P. dan telah berusaha memprospect kawasan lombong bijeh dan di-dapati kawasan itu mengandungi bijeh yang dapat di-kerjakan. Oleh kerana kekurangan modal dia telah chuba menchari jalan untuk mendapat pertolongan tetapi banyak tempat yang dia gagal. Berita yang dia telah mendapat bijeh yang ada isi yang boleh di-kerjakan itu sampai kepada telinga kawan<sup>2</sup>-nya dan kepada orang<sup>2</sup> lain yang mendapat berita hal ini. Ramailah orang<sup>2</sup> yang datang yang sudah biasa dengan pengalaman<sup>2</sup> melombong berjumpa dengan beliau ajak minum kopi, jamu nasi dan sa-bagai-nya. Bukan hendak menolong dia tetapi meminta supaya di-serahkan hak-nya kepada orang ini dengan dia ini di-beri tribute sa-ringgit dua pada satu tan—bagitu-lah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, chara yang sa-macham ini tidak patut berlaku di-dalam negara kita ini, tetapi apa yang patut di-lakukan ia-lah dengan penoh rasa persaudaraan antara kita

sama kita menolong memimpin orang<sup>2</sup> Melayu supaya orang<sup>2</sup> Melayu juga menggali kekayaan negeri ini untuk kepentingan orang Melayu dan kebaikan negeri ini. Orang Melayu tadi, sa-panjang yang saya tahu, telah tidak mahu menyerahkan hak-nya dan dia telah berikhtiar berhutang di-situ dan berhutang di-sini, berpakat bergadai tanah dan sa-bagai-nya memulakan lombong dengan \$100,000 modal dan dia-lah khabar-nya yang saya tahu satu<sup>2</sup>-nya lombong orang Melayu yang 100% orang Melayu dan telah berjalan bertahun<sup>2</sup> di-dalam negeri kita ini dan saya telah mengambil peluang melawat lombong itu melihat kerja<sup>2</sup> yang dijalankan 100% daripada orang<sup>2</sup> Melayu kechuali satu orang, orang keturunan China yang menjadi Penolong Ketua Kuli di-dalam lombong itu. Jadi kesanggupan orang Melayu menjalankan kerja melombong terbukti ada dalam tanah Melayu ini dan saya telah melihat sendiri, telah makan bersama<sup>2</sup> dengan buroh<sup>2</sup> yang bekerja di-lombong itu dan saya perchaya orang Melayu boleh melombong tetapi bagaimana Kerajaan hendak menggalakkan mereka itu kalau sa-kadar untuk memberi bantuan meminjamkan alat<sup>2</sup> melombong yang kemudian apabila telah berjaya dia hendak-lah menggantikan balek barang<sup>2</sup> yang telah di-beri pinjaman oleh Kerajaan supaya dapat di-pinjamkan pula di-tempat lain saya fikir teori-nya baik tetapi di-dalam praktikal-nya tidak begitu baik.

Saya rasa jalan yang paling baik di-antara-nya ia-lah apabila telah didapati sah ada mengandongi logam di-situ, kalau orang yang mempunyai tidak sanggup menjalankan sendiri, pehak MARA patut-lah memasoki modal-nya sa-bagai sher-nya dan ikut mengendalikan bersama<sup>2</sup> dan pehak Kerajaan boleh memberi bantuan pinjaman barang<sup>2</sup>, tetapi yang sa-benar-nya kalau ada sedikit wang barang<sup>2</sup> itu dapat di-bayar dengan ansoran dan boleh di-beli di-mana<sup>2</sup>.

Apa yang lebeh penting kepada orang<sup>2</sup> Melayu sekarang ini ia-lah pengalaman di-dalam hal ehwal ini. Pengalaman ini-lah yang mustahak untuk menjayakan usaha<sup>2</sup> orang Melayu di-dalam negeri ini dalam perusahaan

melombong, baik bijeh atau pun besi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya Persatuan Pelombong<sup>2</sup> China di-negeri ini, warganegara Malaysia yang saya perchaya "undivided loyalty" tidak berbelah bahagi ta'at setia kepada negeri ini tentu-lah ikut bersimpati kepada bangsa Melayu yang miskin di-dalam negeri ini sendiri dan tentu-lah mereka boleh membuat sa-suatu dengan memberi pimpinan kepada orang<sup>2</sup> Melayu merupakan pelajaran<sup>2</sup> yang berguna bagi sa-saorang pelombong dengan mengeluarkan risalah<sup>2</sup> kepada orang<sup>2</sup> Melayu dan menjemput orang<sup>2</sup> Melayu yang mahu mendapat pengetahuan dan pengalaman dalam hal ini, mendapat tiori<sup>2</sup> melombong dan mendapat pengalaman<sup>2</sup> praktikal di-tempat<sup>2</sup> melombong sa-bagai satu daripada budi yang boleh di-beri oleh Persatuan Pelombong China kepada budi baik orang Melayu yang bangsa lain dalam dunia tidak berbudi kepada siapa pun yang berdagang di-negeri-nya saperti orang Melayu telah berbudi di-negeri ini memberi segala hak-nya kepada bangsa lain di-dalam tanah ayer-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau ada baki<sup>2</sup> sedikit, hampas<sup>2</sup> daripada kawasan<sup>2</sup> tanah dalam negeri Melayu ini pun hendak di-ikhtiarkan supaya jangan dapat kepada orang<sup>2</sup> Melayu tetapi hendak serahkan semua-nya kepada orang yang bukan Melayu kerana pengalaman mereka itu, maka alangkah malang-nya nasib orang<sup>2</sup> Melayu di-dalam negeri-nya sendiri. Jadi saya perchaya persatuan pelombong yang mempunyai pengalaman kalau di-bawa meshuarat jawatan-kuasa bersama barangkali mahu dia menimbang apa yang saya chadangkan untuk mendidek dan memberi pimpinan kepada orang Melayu supaya dapat juga ikut melombong. Saya tidak menentang jika sa-kira-nya ikhtiar<sup>2</sup> di-buat dengan keikhlasan bagi mewujudkan perkongsian<sup>2</sup> di-antara orang<sup>2</sup> Melayu dengan orang<sup>2</sup> bukan Melayu di-dalam perusahaan melombong ini tetapi sangat-lah tidak adil jika di-gunakan kesempatan orang Melayu yang terkapong<sup>2</sup> dengan tidak ada pengetahuan dalam soal melombong yang terkapong<sup>2</sup> di-dalam keadaan tidak

mempunyai modal dengan chara menekan mereka itu dan memujok mereka itu dan mengajak makan di-restoran<sup>2</sup> yang besar menjamu makan dua tiga puluh ringgit kemudian memujok mereka itu supaya menyerahkan hak mereka dengan di-bayar tribute sedikit sebanyak. Ini tidak patut di-lakukan oleh saudara kepada saudara oleh ra'ayat Malaysia kepada ra'ayat Malaysia terutama di-dalam usaha Kerajaan sebagai hendak melihat pembangunan ekonomi yang sa-imbang di-antara kaum<sup>2</sup> maka kaum yang paling terkebelakang ia-lah tuan punya asal negeri ini sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada ra'ayat Malaysia yang memainkan peranan di-dalam lapangan ini mempunyai "tolerance" mempunyai kesedaran dan lapang dada dan tanggung jawab ikut membimbing sama supaya sampai-lah hasrat Kerajaan untok melihat perimbangan ekonomi dan kemajuan bersama bagi semua gulungan warganegara Malaysia untok menchapai perpaduan dan keamanan yang kekal abadi negara kita yang di-chintai dan Kerajaan boleh berbuat sesuatu tetapi bagaimana sa-kali pun kata saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hendak di-kaji sa-mula sikap "free enterprise" dan sikap perdagangan bebas—yang di-amalkan di-negeri ini sejak masuk-nya penjajahan, yang mana dengan undang<sup>2</sup>-nya menyebabkan kuchar kachir ekonomi bumiputra-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya chuba pergi kepada Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini satu daripada Kementerian<sup>2</sup> yang mustahak sa-bagai alat penghubung ra'ayat, alat<sup>2</sup> pembawa barang<sup>2</sup> di-dalam negeri ini. Di-dalam Dewan Ra'ayat timbul masalah keretapi—ini langsung di-bawah Kerajaan. Kerajaan telah memodalkan, beri modal terlalu banyak, tetapi tiap<sup>2</sup> tahun keretapi menanggung kerugian. Saya pernah terbaca satu masa dahulu kenyataan yang di-keluarkan oleh Pengarah Keretapi India yang mengatakan keretapi ada-lah satu perniagaan yang tidak boleh rugi dan sa-benar-nya perniagaan keretapi di-India mendatangkan keuntungangan. Di-Asia, negeri Jepun paling maju dengan

keretapi dan tidak mengalami rugi tetapi malang-nya di-negeri kita ini rugi. Saya tidak hendak menchadangkan supaya keretapi ini di-tutup sebab saya tahu apabila Kerajaan mengawal transport<sup>2</sup>, keretapi ini, dapat-lah di-adakan balance harga<sup>2</sup> tambang<sup>2</sup> kepada transport<sup>2</sup> jenis lain yang di-punyai oleh saudagar<sup>2</sup>. Jadi degan keretapi dapat menetapkan sekian harga maka dengan ada-nya harga tambang keretapi itu dapat mengawal tambang<sup>2</sup> kenderaan<sup>2</sup> yang lain, dan ini satu perkara yang patut di-kekalkan. Chuma perlu di-adakan satu Jawatan-kuasa menyiasat betul<sup>2</sup> mengapa keretapi ini rugi, mengapa tidak ada kesungguhan bekerja dalam keretapi, mengapa tidak ada kejayaan yang sunggoh<sup>2</sup> dalam keretapi saperti negeri<sup>2</sup> lain dan mengapa terjadi sa-suatu yang menyebabkan ke-lambatan dalam keretapi.

Banyak orang<sup>2</sup> yang berniaga yang mendatangkan hasil pada negeri ini, misal-nya saudagar<sup>2</sup> balak, mereka sahabat<sup>2</sup> saya orang bukan Melayu, orang China-lah, yang berniaga balak membayangkan kepada saya bahawa keretapi juga ada banyak yang lubang<sup>2</sup> yang di-adakan untok corruption, orang<sup>2</sup> yang mahu mendapatkan wagon, gerabak<sup>2</sup>, susah hendak mendapat. Sudah dapat wagon lambat sampai; sudah lambat sampai, kalau sudah dimuat kayu balak atas wagon boleh di-santing. Santing itu di-kuatkan dan kadang<sup>2</sup> terbalek maka rugi-lah masa dan wang pembalak. Jadi kalau semua-nya mahu chepat, mahu dapat wagon banyak dan lain<sup>2</sup>, tiap<sup>2</sup> lubang itu mesti di-tutup, tiap<sup>2</sup> lubang itu mahu di-tutup. Jadi kalau tidak lambat-lah, lambat arti-nya keretapi kurang hasil. Tetapi chepat pun tidak chepat mana juga. Ra'ayat rugi, hasil negara kurang.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, mesti di-siasat betul<sup>2</sup> supaya tidak terjadi perbuatan<sup>2</sup> ini semua-nya. Saudagar<sup>2</sup> terpaksa membayar kerana mahu mengeluarkan hasil negeri dan Kerajaan tentu-lah mahu kepada bertambah-nya hasil export. Dengan kerana itu tidak patut di-lakukan ke-lambatan dan ke-chuaian yang di-sengaja saperti yang pernah di-chakapkan oleh beberapa

sahabat saya orang<sup>2</sup> China yang berniaga kayu banyak lubang yang kechil chara kechil, yang besar chara besar. Semua-nya terpaksa di-tutup lubang itu kalau mahu dapat kejayaan perusahaan.

Perkara yang lain lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-siasat betul<sup>2</sup> tentulah kita berjumpa dan kita hendak-lah memberi kesedaran yang betul<sup>2</sup> kepada semua pegawai<sup>2</sup> supaya mereka itu mahu bekerja untuk kepentingan negara kita yang telah merdeka ini dengan penoh rasa tanggung jawab dan ikhlas. Sebab kalau kita mengkhianati Kerajaan kita, menchuaikan tanggung jawab kita, itu bererti kita mengkhianati negara kita sendiri, mengkhianati amanah yang di-pertanggung jawabkan, yang di-bayar gaji kepada kita bagi mengawal kepentingan negara kita sendiri. Sebab itu-lah saya marah benar, Tuan Yang di-Pertua, fasal corruption ini sampai saya kata yang membagi dan yang menerima semua-nya kena tembak semua sa-kali. Tetapi sebab<sup>2</sup>-nya mesti di-chari, bukan-lah hukuman ini mesti di-jalankan, kalau ia pun di-terima oleh Kerajaan. Mesti di-chari dan di-fikirkan halus<sup>2</sup> dan di-tutup semua lubang<sup>2</sup> itu dengan berbagai<sup>2</sup> chara di-antaranya civic course kepada orang<sup>2</sup> yang bekerja dengan Kerajaan termasuk keretapi ini sendiri supaya mereka itu sedar akan tanggung jawab kepada sa-buah negara yang telah merdeka.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pula Menteri Pengangkutan. Keretapi Sumpitan Mas, express, daripada Gemas ka-Tumpat satu keretapi yang istimewa. Kalau lain keretapi tidak di-panggil Sumpitan Mas atau Sumpitan Perak, tetapi di-Pantai Timor ini ia-itu keretapi daripada Gemas sampai ka-Tumpat ini di-gelar Sumpitan Mas. Jadi sudah bagus, istimewa. Jadi kalau-lah Kementerian Pengangkutan dapat menimbangkan, saya rasa nama yang begitu chantek "golden", patut-lah di-perbaiki perkhidmatan keretapi Sumpitan Mas ini supaya dia jadi chantek. Chantek bukan sahaja untuk kebaikan semua kita penumpang tetapi chantek sa-hingga menjadi daya penarik kepada tourist<sup>2</sup>, pelanchong<sup>2</sup>, dari luar negeri. Jadi saya maksudkan di-negeri Pantai Timor itu di-aku<sup>2</sup> baharu<sup>2</sup> ini o'leh Professor

Jaspan, orang Inggeris yang menjadi pensharah di-Universiti Indonesia yang boleh menguasai bahasa kebangsaan dalam tempoh 6 bulan tidak seperti Menteri<sup>2</sup> kita 10 tahun tidak dapat berchakap bahasa kebangsaan lagi dan dia baharu<sup>2</sup> ini dalam lawatan-nya mengkaji sejarah orang<sup>2</sup> Melayu pergi ka-Chempa, pergi ka-Vietnam. Dia sekarang mengajar di-Australia dan singgah di-Kota Baharu dan membuat suatu cheramah dan dia mencheritakan juga kepada kawan<sup>2</sup> dalam chakapan biasa bagaimana di-Pantai Timor ini atau di-Kelantan maseh terdapat kebudayaan<sup>2</sup> yang asli yang dapat di-siasat dan dikajikan hubungan, misal-nya, masjid yang hendak di-runtohkan di-Kampong Laut itu kata-nya tidak patut di-runtohkan dengan kerana ada dua buah masjid lagi di-dalam dunia Melayu ini seperti masjid itu. Jadi hendak-lah di-simpankan. Di-Indonesia ada dua buah. Mengikut chertia orang yang membena ada tiga buah—dua di-Indonesia, satu ada di-Kampong Laut. Mesti-lah di-simpan jangan runtoh walau pun Tun Haji Abdul Razak telah memberi sa-banyak \$95,000 untuk membuat masjid baharu. Kerana ini ada-lah menjadi bahan kajian sejarah yang dapat di-kaji bagaimana perkembangan Islam di-negeri ini. Jadi kerana keadaan di-negeri Pantai Timor ini sendiri merupakan negeri bersejarah dan mempunyai bahan kajian untuk mengkaji asal usul Melayu dan perkembangan Islam, sa-patut-nya-lah negeri ini di-galakkan pelawat dan keretapi satu daripada alat kenderaan yang baik dan sesuai dengan nama-nya ke-emasan "Sumpitan Emas".

Jadi satu perkara lagi keretapi ini, Tuan Yang di-Pertua, dia berjalan daripada pukul 8 malam di-Kuala Lumpur sampai ka-Gemas, belakang itu terus daripada Gemas sana melalui zaman siang yang panjang. Zaman siang yang panjang ini kalau tourist, dia duduk Kelas I dia tidak boleh duduk di-dalam cabin itu kerana terlalu panas—tidak ada air condition, chuma di-bilek makan itu-lah yang ada air condition, itu pun kadang<sup>2</sup> rosak. Jadi kalau cabin ini semua di-adakan air condition, sejk, maka hawa panas itu dapat-lah menyegarkan kepada orang<sup>2</sup> yang mengambil

peluang menggunakan keretapi dan ini menggalakkan tourist pergi ka-sana. Kalau tidak, siapa yang dudok bayar harga tambang-nya mahal tetapi panas hampir<sup>2</sup> macham neraka sementara hendak sampai ka-Kelantan pukul 5 petang baharu sampai di-Tumpat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya sukachita hendak sebut, keretapi ini patut-lah menyediakan makanan istimewa masakan Melayu kerana gelaran-nya Sumpitan Mas, dia berjalan di-sepanjang<sup>2</sup> Pantai Timor dengan gelaran itu pula harus di-istimewakan untuk menarek pelanchong<sup>2</sup>. Jadi bila pelanchong<sup>2</sup> datang turun di-Singapura, dia datang sampai Gemas masuk Pantai Timor dia dapat chium alam kemelayuan. Masak kemelayuan pun dia dapat rasa atas keretapi lagi. Jadi keretapi itu mesti istimewa.

Untuk dapat apa yang saya maksudkan ini, Tuan Yang di-Pertua, tender yang di-keluarkan untuk orang<sup>2</sup> yang masuk tender bagi maksud menyiapkan makanan di-keretapi itu hanya di-buka kepada orang Melayu sahaja. Masakan tidak boleh kerana yang lain banyak, Penang—Kuala Lumpur bagi kepada orang lain. Penang—Singapura bagi juga pada orang lain. Gemas sampai ka-Tumpat itu apa salah-nya bagi pada orang Melayu. Jadi bagi peluang orang Melayu sahaja masuk tender dan makanan-nya di-siapkan makanan Melayu, jadi bila tourist sudah naik dia rasa Melayu. Bukan-lah kita hendak naikkan sangat Melayu kerana Melayu serupa belaka dengan orang lain pun. Tetapi kita mahu memperkenalkan negeri ini baharu nampak image. Jadi, itu pun satu rancangan yang boleh menarek pelanchong<sup>2</sup> ka-Pantai Timor. Keretapi itu boleh di-hiasi, adakan gambar<sup>2</sup> membayangkan Pantai Timor sa-hingga orang semua tertarek. Saya perchaya Menteri Pengangkutan kita ini pandai dalam perkara ini.

Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini fasal Kapal terbang. Kita di-sabuaih negara, dahulu pun belum merdeka kita ada Malayan Airways. Sudah merdeka jadi Malaysia kita namakan Malaysian Airways. Fasal Singapura keluar, sabuaih pulau kecil sahaja, sher-nya

ada 15 per cent sahaja di-dalam itu kita terpaksa korbankan nama Malaysian Airways yang begitu baik—jadi Malaysian-Singapura,—Malaysian-Singaporian-Airways. Jadi, MSA. Saya fikir tidak patut boleh terjadi bagini sebab kita mempertahankan Malaysian Airways itu sebab Malaysian itu lebih besar dari Singapura. Kalau Singapura tak mahu masuk dia keluar-lah, tarek balek sher dia itu, takkan-lah Malaysia tidak sanggup membayar sher sa-banyak itu, dia boleh membayar sher sa-banyak itu, saya perchaya Malaysia boleh. Biar Singapura sendiri kalau dia hendak buat kapal terbang dia buat-lah, kita ini buat sendiri. Sher Singapura boleh di-tolak balek di-antara-nya barang<sup>2</sup> yang ada di-Singapura sekarang ini yang menjadi Headquarters kepada Malaysian Airways termasuk ibu pejabat-nya, berapa beli, berapa harga-nya, tolak dekat dia. Kita buat, apa guna padang kapal terbang besar kalau sa-minggu sa-kali pun kapal<sup>2</sup> dunia tah mahu singgah. Dahulu saya katakan, buat \$55 million, buat perchuma sahaja, Singapura juga orang pergi, kita pindahkan pejabat di-sini. Biar-lah Singapura dengan Singapura sendiri kita pindahkan pejabat di-Kuala Lumpur dan kita usahakan dan majukan Malaysian Airways.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ibu pejabat Malaysian Airways ini kalau kiranya di-jadikan Malaysian Airways balek, untuk menghilangkan arang di-muka kita, saya harap kita boleh jadikan pusat atau ibu pejabat Malaysian Airways di-Kuala Lumpur dan kalau Malaysia tidak chukup untuk membesarkan perusahaan ini, kita usahakan-lah mengadakan Sharikat Penerbangan ASA atau apa pun nama yang kemudian akan kita namakan sa-hingga masuk Indonesia pula, kita buat merupakan international, buat sementara ini kita buat-lah kecil<sup>2</sup> dahulu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap shor saya itu boleh di-timbang oleh Menteri Pengangkutan kita.

Kemudian saya hendak pergi-lah pula kepada Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini pun banyak juga memakai wang negara, tetapi doktor<sup>2</sup>-nya maseh tak chukup, doktor<sup>2</sup> yang kita minta dengan chara kontrek

datang daripada luar negeri. Ada sungutan yang tidak puas hati, saya tidak mahu menyebutkan apa yang tidak puas hati itu daripada orang ramai kerana tidak mahu menyenggong perasaan orang<sup>2</sup> yang telah sudi berkhidmat dalam negara kita dalam lapangan kesihatan. Tetapi, walau bagaimana pun ada rasa tidak senang oleh sa-tengah<sup>2</sup> orang kita oleh kerana sikap, layanan dan kemudahan dalam pemeriksaan kepada orang<sup>2</sup> sakit di-hospital<sup>2</sup> termasuk doktor<sup>2</sup> anak negeri ini.

Kemudian itu pada 'am-nya saya minta supaya Kementerian ini, Menteri Kesihatan, supaya mengambil berat hal doktor<sup>2</sup> semua-nya supaya orang<sup>2</sup> sakit ini hendak-lah di-beri perhatian sadikit, bersungguh, daripada sekarang. Kalau famili saya sendiri, mithal-nya, saya bagi satu surat di-tujukan kepada doktor tolong pereksakan famili saya ini dan kalau perlu dia masok dalam wad, sila masokkan. Ini senang sahaja dia teruskan hal ini dan terus masok dalam wad. Tetapi, kalau saya biarkan famili saya pergi dengan tidak ber-surat, dan masok jumpa doktor di-tanya apa sakit, bila di-cheritakan apa sakit-nya, oh, baik, dia tulis<sup>2</sup> surat beri ubat dan suroh keluar. Dan ini berlaku berkali<sup>2</sup> dan ini berlaku kepada ra'ayat negeri ini. Jadi, sangat-lah tidak patut kejadian ini berlaku, barangkali tidak semua doktor, tetapi ada doktor<sup>2</sup> yang bagini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi oleh kerana kekurangan doktor maka mahu tak mahu kita menawarkan peluang kepada doktor luar negeri masok berkhidmat dengan chara kontrek dalam negeri kita ini. Saya rasa kalau kita melakukan ini terus menerus doktor<sup>2</sup> kita hendak-lah minta datang daripada Amerika juga, daripada negeri<sup>2</sup> lain juga, tetapi bagaimana pun dalam sain kontrek, dalam sain kontrek itu patut-lah di-tekan satu perkara, di-tekan satu perkara ia-itu doktor<sup>2</sup> yang sain kontrek dengan kita itu hendak-lah mempelajari bahasa kebangsaan. Ini boleh di-buat, sebab Indonesia menerima pensharah<sup>2</sup> universiti daripada Jerman, daripada Mesir, daripada England di-sharatkan harus menguasai bahasa Indonesia dan

boleh bagi lecture dan di-bagi masa dalam tempoh sa-tahun dalam kontrek-nya. Orang ini boleh bagi lecture, kadang<sup>2</sup> tak sampai sa-tahun, satu professor Jaspén enam bulan dia boleh menguasai bahasa Indonesia dan boleh bagi lecture ilmiah dalam bahasa Indonesia. Jadi, apa salah-nya sa-bagai rombongan<sup>2</sup> Amerika yang datang menolong kita—Peace Corps—sa-belum datang dia sudah belajar bahasa Melayu dan boleh berbahasa Melayu. Maka kita boleh meminta juga kepada doktor<sup>2</sup> yang mahu datang ka-negeri kita ini di-sharatkan di-dalam perjanjian ini dan harus mempelajari bahasa Melayu dalam tempoh sa-tahun sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-lewat<sup>2</sup>-nya dapat menguasai, supaya dia dapat bichara dan berchakap sendiri dengan si-sakit di-dalam negeri ini yang datang meminta rawatan dan baru-lah dapat puas hati dalam pemeriksaan si-sakit itu.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, hal orang sakit, hal orang sakit ini memang-lah banyak ragam, ada orang sakit itu berasa serabut kerana sakit dia, dia kompelen doktor, dia kompelen makanan, dia kompelen nyamok banyak, tak bagi kelambu, lambat nurse datang, macham<sup>2</sup> dia kompelen. Tetapi, tidak semua yang mesti kita pandang besar kerana kadang<sup>2</sup> itu peribadi orang itu sendiri pun tak patut pula. Tetapi, dalam sa-tengah<sup>2</sup> hal ada yang patut di-pertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, sungutan orang<sup>2</sup> sakit ini kalau patient atau pesakit itu memberitahu kepada wartawan maka marah-lah Kementerian, marah-lah pegawai<sup>2</sup> di-hospital itu, matron-nya marah, ketua dan doktor besar-nya marah nanti habis sampai kepada pegawai<sup>2</sup> rendah pun kena marah, dan Kementerian pun mengawal.

Tetapi, kalau tak di-beritahu kepada orang ramai melalui surat khabar, siapa yang hendak di-bagi tahu, pelawat hospital tak dapat rahsia. Sebab macham saya, satu daripada pelawat juga tetapi dalam condition yang di-bagi kepada kita itu apa tugas kita dan kuasa kita pergi melawat hospital<sup>2</sup>, melawat hospital itu mengikut masa<sup>2</sup>-nya yang di-tentukan oleh pehak hospital. Bila kita pergi hospital

tidak boleh berchakap dengan orang sakit, hendak bertanya sendiri tak boleh, orang sakit pun bimbang chara ini menggambar zaman penjajahan. Jadi, orang sakit tidak boleh mengadu sa-benar<sup>2</sup>-nya kerana dia takut, kalau ada reaction nanti bila pelawat ini balek. Sa-patut-nya amalan yang dibuat di-zaman penjajahan itu tidak boleh di-amal sekarang ini, kita mesti membiarkan orang sakit itu menyatakan kerana semua kita menghendaki kebaikan dalam negara kita, dan hendak-lah kita sedar yang kita semuanya menerima bayaran daripada wang orang ramai. Mengapa kalau orang ramai bersungut, hendak kita marah, kalau tak betul kita betulkan, kalau silap kita minta ma'af, dan perbaikilah keadaan ini supaya negeri kita ini bertambah baik. Tetapi tidak-lah dengan chara melarang, melawat dengan sendiri dengan tidak melalui rombongan yang di-ator.

Mithal-nya, kalau saya hendak pergi hospital melawat orang<sup>2</sup> sakit di-hospital, dan bertanya orang<sup>2</sup> sakit itu, sudah tak senang pegawai. Pada hal dengan chara itu-lah kita boleh mendapat keadaan yang sa-benar-nya. Tetapi, ini tidak di-benarkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sungutan orang<sup>2</sup> sakit itu lambat laun bila negara telah merdeka, ra'ayat telah berani, dia tahu nilai merdeka dan dia tahu harga diri dia dalam sa-sabuaah negara yang merdeka sa-bagai tuan, maka lambat laun akan banyak lagi kritik<sup>2</sup> yang sampai pada surat khabar, sebab itu Kementerian Kesihatan patut-lah bertindak supaya keadaan<sup>2</sup> ini semua-nya tidak akan timbul pada masa hadapan.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, surat khabar kelmarin ada menyebutkan soal ikan kering busok dan ikan kering busok itu di-jamu kepada orang sakit. Ini kesilapan, bukan kesilapan Menteri, tetapi tentulah kesilapan-nya dudok pada orang yang bertanggung jawab terhadap perediaan<sup>2</sup> makanan kepada pesakit<sup>2</sup> dalam hospita<sup>2</sup> itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-Kota Bharu pernah kejadian ikan kering yang tidak patut di-beri makan kepada binatang, telah di-beri makan kepada orang<sup>2</sup>

yang kena T.B. dalam wad T.B. Ini berlaku lebeh kurang dua tiga tahun yang lalu. Sa-waktu itu saya tidak menjadi lagi anggota melawat hospital, tetapi saya pergi kebetulan ada keluarga saya sendiri yang ada dalam wad T.B. itu dan saya bertanya supaya saya tidak mengambil sa-suatu kesimpulan yang dzalim dan bertanya orang<sup>2</sup> sakit itu betul dan ada yang menyimpan, menunjokkan, saya perchaya tidak ada binatang yang sanggup memakan-nya, tetapi malang-nya itu telah di-beri kepada orang sakit dan ini benar berlaku—Menteri Kesihatan tidak salah—berlaku-nya perkara saperti ini dengan kerana pembekal makanan itu daripada orang<sup>2</sup> yang dapat tender yang mahu mencari untong banyak dan pegawai yang bertanggung jawab pejam<sup>2</sup> mata, kerana understanding. Ini soal-nya. Ini semua-nya tidak boleh di-ubah, tidak payah Menteri Kesihatan marah. Soal-nya, soal peri kemanusiaan, soal-nya kesedaran sa-bagai manusia; soal-nya, soal amanah dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab; soal-nya ia-lah soal ikhlas dalam bekerja bagi diri sendiri, kerana makan gaji menolong orang ramai, ikhlas kepada ketua, ikhlas kepada Menteri, ikhlas kepada Kerajaan, ikhlas kepada manusia dan lebeh daripada itu hendak-lah di-fahamkan sa-bagai manusia terutama kepada orang Islam ada tanggung jawab-nya akan di-persoalkan di-akhirat esok tentang perbuatan yang di-lakukan oleh sa-orang manusia di-dalam tanggung jawab di-dunia ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kena di-betulan-lah, kalau tidak, sampai bila pun tidak boleh betul. Saya sendiri dalam wad ada di-beri pisang<sup>2</sup> yang kemetot<sup>2</sup>, kata orang Kedah. Pisang yang kechil<sup>2</sup>, pisang<sup>2</sup> yang bila kita hendak koyak kulit-nya pun tidak jadi, tetapi itu juga di-sajikan. Pernah kita menjumpai ini, tetapi saya tidak komplek, tetapi saya tidak mahu menyusahkan, saya hanya senyum sahaja. Orang ramai lain tentu-lah komplek. Kita mahu supaya timbul kesedaran betul supaya keadilan itu di-alankan di-dalam semua lapangan. Jadi semua-nya itu adil—adil itu terlampau luas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kementerian Kesihatan dapat menjalankan tindakan menasihati dan memasukkan perasaan tanggung jawab yang betul<sup>2</sup> dari segi kemanusiaan, kejadian ini semua-nya tidak berlaku dan orang sakit pun juga harus insaf, tidak patut hendak keritik buta tuli atau tersentuh perasaan-nya sedikit dia keritik, kerana harus juga bertimbang rasa terhadap pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang bekerja itu pun penat dan banyak tanggung jawab-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit kalau Menteri Kesihatan itu boleh menjawab betul<sup>2</sup>, mengapa orang<sup>2</sup> haji yang balek daripada Mekah banyak yang saya jumpa di banyak<sup>2</sup> negeri, di-Johor ada saya berjumpa dengan orang<sup>2</sup> yang balek dari Mekah, di-Melaka ada, Negeri Sembilan ada, Selangor ada, Perak ada, di-Kedah ada, di-Perlis, di-Pahang, Trengganu ada, semua saya jumpa, bukan semua orang<sup>2</sup>, tetapi tiap<sup>2</sup> Negeri itu ada orang yang saya berjumpa. Mereka menceritakan lebeh baik kita pergi jumpa doktor Indonesia atau doktor Thailand yang mengirim rombongan doktor-nya daripada kita berjumpa dengan rombongan perubatan daripada Malaysia sendiri. Saya tidak mahu comment, saya tidak mahu menghentam Menteri Kesihatan, tetapi saya mahu bertanya apa sebab-nya orang<sup>2</sup> Malaysia mengatakan, lebeh baik kami pergi berjumpa doktor Indonesia dan atau pun doktor Thailand yang sedia menolong kami daripada kami berjumpa dengan doktor<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> rombongan perubatan daripada Malaysia sendiri. Jadi, ini soalan yang mesti di-pecahkan oleh Menteri Kesihatan dengan amalan dan perbuatan supaya di-masa hadapan tidak terjadi lagi kejadian<sup>2</sup> yang di-kesalkan oleh orang<sup>2</sup> yang pergi ka-Mekah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada banyak lagi, saya hanya hendak berchakan sedikit lagi fasal Kebajikan 'Am. Kementerian Kebajikan 'Am ini satu Kementerian yang sangat baik, tetapi Kementerian yang boleh di-sifatkan Kementerian yang miskin. Ada chita<sup>2</sup> hendak menolong manusia, tetapi tidak boleh buat, apa fasal?

Duit tidak ada! Jadi Kementerian ini patut di-tolong kalau betul<sup>2</sup> hendak menyampaikan maksud, kalau tidak lepas batok di-tangga-lah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya banyak orang<sup>2</sup> mengadu dan saya juga mengusahakan menolong ra'ayat yang saya dapati betul<sup>2</sup> patut di-tolong kerana kemiskinan. Buatlah surat minta rayuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, lambat pegawai<sup>2</sup> datang. Belakang itu kalau datang menyiasat, kemudian di-beri-nya beras satu gantang sa-bulan—tidak cukup. Duit empat lima ringgit tidak cukup. Dia menanggung keluarga tiga empat orang hanya perempuan yang menanggung keluarga, kerana tidak ada laki<sup>2</sup> yang menanggung-nya, mesti-lah di-beri bantuan yang agak mencukupi, sementara itu patut juga di-beri kerja. Patut di-ikhtikarkan kerja, kalau dia itu sihat, baharu-lah kita kurangkan bantuan, tetapi kalau sa-kira-nya kita tidak boleh menolong dia, Kementerian Kebajikan ini tidak boleh mengusahakan melalui Kementerian Buroh atau apa juga jalan untuk menolong mendapatkan pekerjaan dan hanya beri bantuan \$2 satu bulan, \$3 satu bulan atau beras dua gantang, ikan kering satu kati sa-benar-nya seperti tidak memberi apa<sup>2</sup> nama-nya. Apa-kah manusia boleh hidup dengan begitu, anjing makan lebeh baik dalam negeri ini daripada sa-orang manusia yang tinggal di-kampong<sup>2</sup> dapat bantuan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat, tidak cukup untuk makan walau pun seperti sa-ekor anjing. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, biar-lah Kementerian ini benar<sup>2</sup> dengan nama dan benar<sup>2</sup> dengan amalan.

Dalam waktu banjir, Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai yang di-tempatkan sa-bagai Ketua Pejabat Kebajikan, tetapi jiwa-nya sendiri tidak jiwa kebajikan. Dia hendak menjalankan kerja dari segi jawatan-nya dengan gaji-nya, tetapi tidak kerja-nya dari segi jiwa-nya sendiri bekerja dengan sa-penoh rasa dan perasaan peri kemanusiaan kepada ra'ayat yang menderita. Timbul takut<sup>2</sup> dan tidak langsung ada mempunyai initiative dalam bergerak sa-hingga bertemu kejadian<sup>2</sup> yang malang kepada ra'ayat

dalam waktu kesusahan yang memang telah di-ketahui akan berlaku banjir baharu<sup>2</sup> ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, patutlah Kementerian ini mengator sa-mula dan membuat persiapan<sup>2</sup> menghadapi masa<sup>2</sup> akan datang terhadap ra'ayat, dan meminta bantuan wang peruntukan yang lebeh banyak, peruntukan wang yang lebeh banyak daripada Kerajaan supaya Kementerian ini mempunyai wang yang chukup untuk menolong.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berchakap banyak sangat fasal saya tahu dia tidak mendapat peruntukan banyak, jadi kalau kita hentam dia pun tidak guna, tetapi ada satu perkara yang menarek hati saya. Baharu<sup>2</sup> ini Yang Berhormat Menteri Kebajikan 'Am ada mengishtiharkan bahawa tidak lama lagi Kerajaan akan mengemukakan kepada Parlimen undang<sup>2</sup> mengenai pelachoran. Barangkali sataip manusia yang baik yang menjadi warga negara negeri ini, menanti<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> ini. Beberapa lama dahulu pernah saya berchakap supaya di-adakan Anti Vice Ordinance. Adakan undang<sup>2</sup> menchegeh kerosakan akhlak dan saya telah katakan Singapura telah buat, mengapa kita yang menjadikan Islam ugama rasmi tidak boleh buat? Tetapi sekarang ini kita dengar khabar Menteri Kebajikan 'Am akan bawa Rang Undang<sup>2</sup> itu pada masa hadapan. Tetapi satu perkara yang saya hendak ingatkan dalam menggubal undang<sup>2</sup> itu hendaklah di-kaji keseluruhan-nya.

Banyak soal moral yang rosak disebabkan beberapa puncha<sup>2</sup> daripada penyakit<sup>2</sup> dari dalam masharakat sebab itu Kementerian ini harus memikirkan dengan kerjasama Kementerian lain tentang filam<sup>2</sup> yang masuk mesti di-kawal supaya dapat di-kawal keadaan akhlak, chontoh<sup>2</sup> yang baik harus kita dapati bukan chontoh yang jahat. Demikian juga di-talivishen dan lain<sup>2</sup> maka Kementerian ini baharu dapat success kalau dia ada undang<sup>2</sup> yang baik, kalau tidak, di-kambus dengan tangan kanan tangan kiri pula menggali, tidak jadi guna. Sebab itu kalau hendak di-adakan undang<sup>2</sup> khusus dalam soal pelachoran dia

hendak-nya di-fahami betul<sup>2</sup> bahawa pelachoran ini satu perdagangan yang tua di-dalam dunia yang sa-tengah<sup>2</sup> orang mengatakan tidak boleh di-hapuskan. Memang saya tahu susah hendak di-hapuskan apabila ada kemahuan bersama<sup>2</sup> untuk melakukan, mereka akan menchari jalan untuk melakukan sa-suatu yang burok tetapi baik kepada mereka. Tetapi ini adalah penyakit moral yang sangat merbahaya yang merosakkan manusia membawa penyakit sipilis (syphilis) yang merosakkan jenerasi oleh kerana kuman<sup>2</sup> yang hidup bersambong<sup>2</sup> maka sebab itu hendaklah di-basmikan sa-beberapa daya yang boleh dengan membuat undang<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> ketat. Kalau kita fikirkan hendak membasmi pelachoran itu dengan mengadakan rumah pemulehan akhlak, tangkap perempuan<sup>2</sup> lachor di-simpan di-sana itu-lah ikhtiar<sup>2</sup> untuk menghapuskan pelachoran, saya kata. "ini tidak betul". Sebab pelachoran ini ada-lah pelachoran laki<sup>2</sup> dan pelachor perempuan. Kita hanya memikirkan perempuan mesti ditangkap, mesti di-kurong, mesti di-baiki akhlak. Tetapi pelachor laki<sup>2</sup> tidak pernah kita pedulikan. 10 tahun sa-orang pelachor perempuan menunggu di-rumah yang di-siapkan dengan bedak dan powder tetapi kalau tidak ada pelachor laki<sup>2</sup> datang ka-rumah itu tidak berlaku perzinahan dan tidak berlaku pelachoran dalam negeri ini.

Ada-nya pelachoran ia-lah dengan kerana ada-nya pelachor<sup>2</sup> laki<sup>2</sup> sendiri. Jadi apa-kah tindakan Kerajaan terhadap pelachor laki<sup>2</sup>. Dalam Islam, Quran mengajarkan (*in Arabic*)—itu bahasa Arab sadikit. Jadi dia kata, pelachor<sup>2</sup> laki<sup>2</sup>, penzinah laki<sup>2</sup> dan penzinah perempuan, tetapi dalam undang<sup>2</sup> kita, kita hanya kenal pelachor perempuan itu sahaja. Hendak di-adakan rumah pemulehan akhlak, hendak begitu, hendak bagini, itu hendak difikirkan. Pelachor laki<sup>2</sup> itu-lah yang paling penting sa-kali. Kalau kita tidak mahu menjadi orang jahat, kita tidak mahu menjadi sa-orang yang berzinah, tidak mahu melakukan sa-suatu perbuatan pelachoran, maka tidak ada perempuan<sup>2</sup> yang mengharap-kan yang dapat hidup dengan wang

pelachoran. Sebab tidak ada pelachoran maka pelachoran yang ada itu kerana ada-nya pelachor laki<sup>2</sup>.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, undang<sup>2</sup> hendak-lah di-buat untuk mengawal bagi seluroh ra'ayat negeri ini terhadap bahaya<sup>2</sup> dari penyakit masharakat pelachor laki<sup>2</sup> dan pelachor perempuan. Jangan undang<sup>2</sup> hanya di-buat dari sudut hendak mengawal pelachor perempuan, kedua<sup>2</sup> mesti di-sifatkan pelachor, laki<sup>2</sup> dan perempuan. Dan undang<sup>2</sup> yang saperti itu hendak-lah di-buat dengan mengadakan hukuman<sup>2</sup> yang tepat terhadap orang<sup>2</sup> yang melakukan pelachoran dan mengawal tempat<sup>2</sup> yang boleh menimbulkan pelachoran dan mengadakan kawalan yang ketat<sup>2</sup> terhadap hotel<sup>2</sup> dan mengadakan lain<sup>2</sup> apa juga yang di-fikirkan perlu yang boleh mencheegah ada-nya perhubungan haram di-antara jenis manusia.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh buat apa, kerana manusia yang membuat sa-suatu itu dia berkira sa-sama dia dan di-luar pengetahuan kita, itu bukan-lah soal kita dan ada-lah tanggung jawab mereka dan akibat-nya di-tanggongi oleh diri masing<sup>2</sup>, tetapi sa-kadar yang boleh buat oleh Kerajaan, Kerajaan tidak boleh memejamkan mata bahawa wujud-nya pelachoran itu ia-lah kerana ada-nya laki<sup>2</sup> jalang yang menyebabkan timbul-nya perempuan<sup>2</sup> dan rosak-nya kehidupan moral<sup>2</sup> perempuan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berlaku adil-lah kita kapada kaum perempuan dengan tidak meletakkan perempuan ini sabagai perempuan bunga raya, perempuan sundal dan sa-bagai-nya, tetapi mari kita katakan laki<sup>2</sup> bunga raya, laki<sup>2</sup> sundal dan laki<sup>2</sup> jalang juga ada yang menyebabkan Kerajaan harus bertindak untuk mengatasi masaalah ini dengan menghadapi kedua<sup>2</sup> jalang ini bukan satu gulungan sa-mata<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada banyak benda lagi saya hendak berchakap (*Ketawa*), tetapi saya mengharapkan dengan ringkas-nya hendak bagi chukup masa sahaja, jalan raya Timor Barat itu biar-lah Menteri Kerja Raya kita ini tolong chepatkan sadikit. Lama sudah kita dengar di-bawah Ranchangan Lima Tahun tetapi belum

lagi jadi<sup>2</sup>, walau ikut mana sa-kali pun tetapi dari segi ekonomi kepentingan negeri ini patut dari Sungai Siput ka-Kuala Brang dan dari Bukit Hantu dalam Kelantan bawa naik ka-Kota Baharu—itu lebeh baik. Tetapi dari segi Defence, pertahanan negara kita patut-lah sepanjang negeri Siam di-buat jalan untuk bawa ka-sempadan Kedah. Jadi oleh kerana kedua<sup>2</sup>-nya patut dan kedua<sup>2</sup>-nya mustahak, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau Kerajaan boleh membelanjakan beratus<sup>2</sup> juta untuk Sarawak dan Sabah, tidak ada sebab bertahun<sup>2</sup> di-biarkan Kerajaan Kelantan itu, apa salah-nya kalau Kerajaan belanjakan beratus<sup>2</sup> juta untuk membuka dua batang jalan—baik melalui Sungai Siput melintas Gua Musang dan Bukit Hantu ka-Kuala Brang atau sapanjang sempadan untuk mencheegah daripada bahaya kominis menyusup ka-dalam negeri kita. Kedua<sup>2</sup>-nya di-buat bagi kepentingan ekonomi dan pertahanan negeri kita sendiri dan ini ada-lah khidmat pada manusia pada pembangunan negeri dan menambahkan hasil dengan pembukaan tanah disapanjang kawasan jalan raya hutan rimba di-ulu negeri Kelantan itu. Sekian, terima kaseh.

**Mr President:** Persidangan ini ditanggohkan hingga pukul 2.30 petang.

*Sitting suspended at 1.00 p.m.*

*Sitting resumed at 2.30 p.m.*

(Mr Deputy President in the Chair)

## MOTIONS

### ADJOURNMENT TO A LATER DAY

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg leave to move a number of motions, the first of which reads:

That at its rising today the Senate shall stand adjourned till 10.00 a.m. on Thursday the 9th of March, 1967.

**Tuan Lim Hee Hong:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned till 10.00 a.m. on Thursday the 9th of March, 1967.

## ORDER OF BUSINESS

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move:

That pursuant to Dewan Negara Standing Order 13 (2) the following two Bills be inserted immediately after the Racing Club (Public Sweepstakes) (Amendment) Bill in the Order Paper for today:

1. The Supplementary Supply (1966) Bill, 1967.
2. The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Bill, 1967.

This follows the message received from the Lower House today.

**Tuan Lim Hee Hong:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That pursuant to Dewan Negara Standing Order 13 (2) the following two Bills be inserted immediately after the Racing Club (Public Sweepstakes) (Amendment) Bill in the Order Paper for today:

1. The Supplementary Supply (1966) Bill, 1967.
2. The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Bill, 1967.

## EXEMPTED BUSINESS

### MOTION

**Tan Sri T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move:

That notwithstanding the provisions of Dewan Negara Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration of the following Bills set out on the Order Paper for today has been completed:

1. The Supply Bill, 1967.
2. The Finance Bill, 1967.
3. The Racing Club (Public Sweepstakes) (Amendment) Bill, 1967.
4. The Supplementary Supply (1966) Bill, 1967.
5. The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Bill, 1967.

**Tuan Lim Hee Hong:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Dewan Negara Standing Order 11, the Senate shall not adjourn today until consideration of the following Bills set out on the Order Paper for today has been completed:

1. The Supply Bill, 1967.
2. The Finance Bill, 1967.

3. The Racing Club (Public Sweepstakes) (Amendment) Bill, 1967.

4. The Supplementary Supply (1966) Bill, 1967.

5. The Stamp Duty (Special Provisions) (Malaysia) Bill, 1967.

## BILLS

### THE SUPPLY (1967) BILL

#### Second Reading

**Mr (Deputy) President:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, sekarang kita sambong samula perbahathan di-atas Supply Bill, 1967.

*Debate resumed.*

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Mr President, Sir, I rise to support the Budget for 1967. Sir, this Budget seems to be the least controversial of the Budgets that we have had so far, and for this I would like to thank the Minister of Finance for putting up a very nice Budget for us. I say this because even some of the Opposition Members agree that this Budget is not so bad as the previous ones—to them it is the least controversial among the Budgets that we have had for the last two or three years.

Mr President, Sir, last year, during the Budget debate, I spoke quite a lot and asked the Government for certain things. I am very pleased indeed that most of what I asked of the Government have been given. Last year I asked for Form VI (Arts) for the Ibrahim Secondary School, Sungei Patani, and I am happy to say, Sir, that this year the Ministry of Education has given us one class of Form VI (Arts)—we had Form VI (Science) two or three years ago. This school is a bit unique compared with other schools in that we have started with Science first, not Arts, but the other schools have started with Arts. That is why I said last year that we, the Sungei Patani people, were supposed to be scientific minded, and that was why the Government gave us Science first. I am sorry that the Minister of Education is not here but, anyway, I would like it to be recorded here that I take this opportunity to thank him very much for giving us the Form VI (Arts) this year, so that now we have a complete Form VI, Arts and Science, for that school.

Sir, I also would like to assure the Minister, although he is not here, that we are doing our best to help maintain the standard of the school in that area. I would like to quote here, with your permission, Sir, that in our School Certificate results for 1963, we had 77.2% passes, and L.C.E. 84% passes; in 1964 we had S.C. 75% and L.C.E. we had again 87% passes; and in 1965 we had S.C., 88% passes and L.C.E. we had 83.6% passes. What achievements have we obtained! The best achievement which we had obtained was in 1965 in respect of the L.C.E. Examination. In that year, this particular school—Sekolah Menengah Ibrahim, Sungei Patani—produced two students with seven distinctions and no other schools in the State of Kedah have ever produced even one with seven distinctions—and in that year, Sir, the whole State of Penang could produce only two students with seven distinctions. So, our one school is more or less equivalent to the whole State of Penang. That, Sir, is a very good achievement and for that, Sir, I think credit should be given, firstly, to the Headmaster, then to the masters, and then to the students concerned. But, Sir, what has surprised me most and pained me most is that the very Headmaster, who has produced the seven distinctions was last month suddenly transferred to a much lower and smaller secondary school, which has an enrolment of only 700 odd students. This particular Ibrahim School has an enrolment of about 1,500. So, if we have just now praised this Headmaster and have given him credit for getting good results, for the Ministry of Education suddenly to demote him to a lower school, I do not know what to say. Sir, I want the Ministry of Education to ponder over this: is it fair for a man, who has done so much for a school to demote him to a smaller school? What will other people say? They will say, "Might be the Headmaster has done something wrong, and that is why he has been demoted." I think it is most unfair. The reason given by the Ministry is that he is being sent down to a lower school simply because he has Pass Degree (B.Sc.) without Honours. Is

that why he was demoted to a smaller school? I would like to ask the Minister of Education that but, unfortunately, he is not here. However, I hope the people down below there will let him know. Further, what is the yardstick by which one is considered to be a good Headmaster and a teacher? Is it that an Honours Degree is the yardstick for one to be a good Headmaster or a head teacher? I have not found any book, or any paper or any professor saying that an Honours Degree, or something like that, is the yardstick by which one is considered as being a teacher or Headmaster. Can anybody prove to me that because a man has an Honours Degree he can be a very good Headmaster or head teacher, and that because he has no Honours Degree but just a Pass Degree, he is not good?

Now, Sir, I would like to remind the Minister of Education—he happened to be studying in the Sultan Abdul Hamid College pre-war, and I was also studying in that College pre-war—that we had at that time one master who was teaching us mathematics. He was a Malay master and he taught us mathematics. He was teaching Standard 7, Standard 8 and Standard 9 in pre-war days. Sir, during those years for every year the passes in those standards were 90% and above. It was good result indeed! But, Sir, what is the qualification of the Headmaster? If the Minister of Education cannot remember the man, I can tell him that the master was called "Pak Teh". He passed only Junior Cambridge from a secondary school, and yet he came to our school and taught Senior Cambridge, Junior Cambridge, and Standard 7, and we got 90% passes. So, what is the yardstick to be used for that man, who did so well, when he had a very low qualification, if he were still living and teaching now? Unfortunately, Sir, he is dead—May God bless his soul. I am sure, Sir, the Ministry will not allow him to teach in a secondary school, not even a lower secondary school, because he is under-qualified according to this reckoning. What is the Minister going to answer, if I ask "What is the yardstick that is

to be used for that teacher?" I do not think he can answer me. The only thing he can say is this: "That teacher was exceptionally brilliant." I agree. But, Sir, if there was a brilliant teacher 30 years ago, there must be some brilliant teachers 30 years hence—now. So, maybe this Headmaster of Ibrahim School is in the same category. He is also a brilliant teacher by a standard compared to that teacher I was talking just now. Sir, if there are brilliant teachers like that, I think we can have some sort of an exception to the rule and not care so much about whether one has an Honours or a Pass Degree. After all, between an Honours and a Pass Degree there is not very much difference in that one has qualified from a college a little bit more—a wee bit more.

Sir, coming back again to this very same school, I am afraid that I have got to speak some more about this school, because I happen to be a member of the Board of Governors of that school for the last six years, and out of that period I happen to be the Chairman of the Board of Governors for the last three years. What surprised me is that, Sir, when this teacher, Mr Koshi was transferred last month to another smaller school, I was not even informed of the transfer of the Headmaster—not only I but also the other members of the Board were not informed of that. So, the man, being a very good man, once he got the memo advising him that he was transferred, he came to see me right away. I saw the memo which was written in Bahasa Kebangsaan, and it says:

"Ini-lah di-ma'alomkan bahawa Enche' pada hari ini juga telah di-tukar ka-Sekolah Menengah Bakar Arang dengan serta merta."—Sain di-bawah Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kedah. Di-bawah lagi, tidak ada satu salinan kepada Lembaga Pengurus—no certified copy to the Board of Governors or anybody else.

So, I, being the Chairman of the Board of Governors, naturally felt hurt. If you, Sir, were in my place you would feel hurt too, because you were not informed. So, I told him, "You just follow obey the order and go." Sir, I am also, incidentally, a member of the Board of Governors in the Malay College in

Kuala Kangsar. I remember that when Mr Rine, the Headmaster, was about to go on Malayanisation, the Ministry of Education told us that Mr Rine's post was going to be Malaysianised on such and such a day and asked us to choose anybody, whom we thought fit to be the Headmaster of that school—in other words, the Ministry consulted us, and not only informed us. But in this case, not only did the Ministry not consult us but also it did not even inform us. I do not know what to call the attitude of the Chief Education Officer of Kedah—to call it high-handedness or sheer rudeness? Whatever it is, it does not augur well for the school. So, I would like the press today to publish something for tomorrow (*Laughter*) on this high-handed attitude or rude attitude of the C.E.O., Kedah, for not informing the members of the Board of Governors about the transfer of the Headmaster of the school. This is a serious thing. What are the Governors there for, if they are not informed? Even in the constitution of the Board of Governors, it is stated, "Whenever a teacher is going to be transferred out of the school or transferred into the school, the Board must confirm." It is stated there clearly, but this C.E.O. not only did not ask us but even never informed us about this headmaster's transfer. So, that is why I want the Ministry to look into this and see what it is all about, and I leave that affair for the time being.

The second thing that I talked about last year was foreign affairs. I asked the Government to establish more Embassies and High Commissions. I am very glad, indeed, to know that in 1966 the Government decided to have a High Commission in Ceylon. Then, we have now Embassies in Rome, in Hague, and in Rabat—and probably very soon we might be having a Consulate in Taiwan. I am very glad indeed because this is a good thing, and as we go on year by year, we should establish more Embassies, so that we know more people, we get more contacts and more trade. However, Sir, there is one thing which I am still not pleased about and not very happy about, and it is this. For the last four

years, I have been asking the Government to establish a High Commission in New Zealand; for the past five years the New Zealand Government has been sending their High Commissioner here; but we have yet no High Commissioner there. What the Government says to this is the we have no money and we have not the men; and another answer is that we have already one High Commissioner in Australia, who is looking after New Zealand. But, Sir, Australia is a big country—it is almost a continent—and with one High Commissioner, he cannot cope with Australia, let alone go and work in New Zealand. I hesitate to remind this House that it was because our former High Commissioner in Australia was so overworked that he lost his mind for some time (*Laughter*). I do not want to remind the House about that again, but it happened, and I am afraid that our present High Commissioner there may also lose his mind temporarily. So, if Singapore, the new sister nation, which is just independent, with smaller resources in manpower and smaller resources in money, can send one High Commissioner, why cannot we, Malaysia, a bigger country? Why should we let ourselves be outdone by Singapore? Don't we have enough men? If we do not have them in the Lower House, we have them in the Upper House (*Laughter*). We have got plenty of men.

**The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub):** On a point of information. Is the Honourable Senator prepared to serve overseas? (*Laughter*).

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** I am coming to that. As I said, we have got enough money and we have got enough men. Since the Minister has asked me, I am going to tell the House that I am prepared to volunteer my services (*Applause*), because I know that if I go to New Zealand—I went there the last time with Dato' Sardon—I can get on with the people there very well, because more than 60 per cent of the M.Ps. there are farmers and more than 50 per cent of the Ministers in New Zealand are farmers. Incidentally, I am a farmer and I know that the world over farmers can meet and talk to-

gether and can work together, because they have identical interests and things to talk about together. So, I do not mind going there—for one term only. (*Laughter*).

tidak di-rampas—di-sifatkan halal pembayaran itu dan sah pada segi perjanjian. Ada-kah ini bukan satu perkara yang ganjil yang belum pernah di-lakukan oleh sa-buah Kerajaan atau pun oleh sa-orang yang berkuasa? Dan kira-nya ini satu perkara yang ganjil tidak-kah ini merupakan rasuah dan tidak-kah ini merupakan satu rasuah yang peringkat tinggi sa-kali ia-itu peringkat Menteri Besar? Ini satu pertanyaan—satu perkara yang berlaku yang harus di-kaji dengan teliti, bukan oleh ra'ayat negeri kita ini, tetapi oleh seluroh pehak yang bertanggung-jawab. Kenapa-kah Menteri Besar Kelantan dengan initiative-nya sendiri berhubung dengan taukeh di-Singapura itu dengan tidak menghiraukan keputusan Ex-co untuk membatalkan perjanjian itu dan memintakan dan meluluskan, menjalankan segala usaha untuk menguruskan perundingan dan perjanjian untuk meng-gadaikan—tidak 500,000 ekar, tetapi di-kurangkan jadi 300,000 ekar—satu kawasan yang kaya-raya di-satu tempat yang akan di-buka jalan highway yang di-chadangkan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia.

Ini satu contoh rasuah pada peringkat tinggi—contoh yang saya dapat beri pada peringkat tinggi, tetapi tidak contoh sa-bagaimana yang di-beri oleh Pembangkang—satu hadiah umpama-nya satu cake, satu botol minuman atau pun satu rantai tangan—ini bukan-lah satu benda yang boleh di-buat satu pandangan yang besar, tetapi ini satu contoh, contoh yang boleh di-pandang sa-bagai rasuah pada peringkat tinggi dan merupakan satu pembayaran yang berjuta<sup>2</sup> ringgit, bukan berpuluh atau beratus ringgit. Saya rasa, saya bersetuju dengan Pembangkang itu, supaya tindakan berkenaan dengan rasuah ini hendak-lah di-jalankan lebeh dahulu di-negeri Kelantan—di-tempat Pembangkang itu memerintah, supaya dapat kita mengenali mana dia orang yang sa-benar-nya menjalankan kerja mengambil rasuah ini atau pun siapa yang sa-benar-nya yang jujur dalam memerintah negeri.

Saya berani berkata di-sini satu contoh lagi rasuah peringkat tinggi.

Timbalan Menteri Besar Kelantan dengan urusan dan perundingan-nya telah mengambilkan satu kawasan tanah 50,000 ekar di-Sungei Ref, Hulu Kelantan, dan menubuhkan sa-buah sharikat yang di-namakan Ref's Development Co-operation. 50,000 ekar untuk sharikat-nya—di-belakang-nya Timbalan Menteri Besar memerentahkan satu kawasan yang begitu luas. Ada-kah ini tidak boleh di-jadikan satu contoh bagaimana rasuah berjalan di-negeri Kelantan? Kenapa di-chontohkan kepada Perdana Menteri kita menerima satu hadiah cake atau pun minuman, hendakkan minuman itu dimasukkan ka-khazanah negara—kenapa pergi chontohkan kepada Perdana Menteri? Ini satu niat yang tidak baik hendak di-gambarkan kepada dunia—oh, Perdana Menteri Malaysia ini Perdana Menteri yang suka rasuah, umpama-nya begitu. Ini gambaran yang paling jahat—paling kotor dan paling jahat sa-kali.

Saya rasa dunia tidak dapat menerima gambaran yang sa-umpama ini, kerana dunia tahu, bahkan mereka yang menjadi rombongan Indonesia yang pertama kali datang ka-Malaysia menemui Tunku Perdana Menteri kita di-Alor Star, memberi tahu kepada dunia bagaimana kejujoran Tunku—duduk di-rumah yang kecil yang robek—sa-bagai sa-orang Perdana Menteri, yang boleh kalau sa-kira-nya duduk di-rumah istana sa-bagaimana President Soekarno. Tetapi dengan kerana kejujoran-nya, keikhlasan-nya, kesungguhan-nya, dalam menjalankan pentadbiran negara, maka itu-lah sebab-nya saya rasa patut kita junjong tinggi Perdana Menteri sa-umpama ini dan tidak patut Pembangkang menyentoh peribadi Tunku Perdana Menteri kita yang sa-umpama ini. Kerana kita tahu tidak ada orang yang boleh di-bandingkan dengan kejujoran Perdana Menteri kita. Jadi kalau Pembangkang menyentoh, Pembangkang ini sa-olah<sup>2</sup> mereka ini telah melupakan tangan itu-lah yang memberi makan kepada mereka, dan mereka hendak menggigitkan tangan yang memberi makan kepada mereka itu. Kalau tidak dengan kerana Perdana Menteri kita, Malaysia ini tidak timbul—kemerdekaan ini tidak ada. Bila kemer-

dekaan tidak ada, Pembangkang tidak ada. Bila Pembangkang tidak ada, tidak ada elaun \$500.00 dia tidak boleh makan. Ini sudah terang, jasa kejujoran dan perjuangan Perdana Menteri kita.

Saya merasa sedih, saya rasa dukacita kerana saya telah dengar bagaimana tuduhan Pembangkang di-Dewan Ra'ayat daripada Parti PAS juga, pemimpin-nya Dato' Mohd. Asri telah menudoh Tunku dengan berbagai<sup>2</sup> perkara dalam hal mengenai bahasa kebangsaan dan sa-bagai-nya yang mana akan kita bahathkan juga dalam Dewan ini dan apabila Pembangkang tadi menyentoh tentang corruption yang menggambarkan kepada Tunku menerima hadiah ini-lah yang menyakitkan hati saya dan saya rasa menyakitkan hati ra'ayat, dan mereka itu tidak boleh mempermainkan Tunku, kerana mereka akan jatuh—akan jatuh kira-nya mereka berlawan dengan kejujoran yang ada pada Tunku itu.

Saya beri contoh—dua contoh tadi, saya berani bertanggung-jawab. Kerana saya tahu, kalau contoh yang saya beri tadi di-paparkan dalam akhbar dan kira-nya ada chabaran<sup>2</sup> yang datang kepada saya, saya sanggup memberikan bukti dan kenyataan yang bertulis yang menunjukkan mereka ini menjalankan satu gerakan rasuah pada peringkat tinggi. Saya rasa bagi Pembangkang chukup-lah apa yang saya beri itu kerana itu boleh-lah menjadi teman hidup-nya dengan perkataan yang saya beri itu atau pun teman tidor-nya dengan apa perkataan yang saya hulorkan kepada Pembangkang itu.

Saya tidak banyak hendak berchakap kerana saya tidak mahu chabarkan Pembangkang—dia berchakap sa-tengah hari, saya berchakap sa-tengah hari, kerana itu nanti merosakkan suasana kita, kerana Menteri kita pun hendak pergi ka-Manila besok, jadi saya bertimbang rasa kepada dia dan bertimbang rasa kepada Menteri<sup>2</sup> yang lain, kerana mereka ini sa-benar-nya menjalankan kerja dengan bersungguh<sup>2</sup>. Kita tengok macham Tun Haji Abdul Razak—daripada satu tempat ka-satu tempat menjalankan tugas-nya dengan tidak menghiraukan masa dan penat-lebih-nya, tetapi bagi pehak orang

yang membangkang, dia tahu membangkang sahaja-lah—kerja dia membangkang sahaja.

Satu perkara yang saya suka memberikan pandangan kepada Kerajaan ialah supaya Kerajaan mengambil satu initiative untuk menyiasat atau pun membuatkan research berkenaan dengan ahli<sup>2</sup> perniagaan Melayu. Adakan research supaya dapat kita adakan satu statistic yang sa-benar-nya tentang kedudukan peniaga<sup>2</sup> dan perusahaan<sup>2</sup> orang Melayu. Sebab semenjak kita merdeka, sudah sa-puloh tahun sahingga hari ini, saya rasa belum lagi kita adakan satu statistic yang sa-benar-nya, berapa banyak ahli perniagaan orang Melayu, apa jenis perniagaan, apa modal yang dia ada, banyak mana modal bumiputra yang ada dalam perniagaan dan segala<sup>2</sup> kenyataan yang patut kita adakan untuk panduan kepada MARA menjalankan gerakannya daripada sa-tapak ka-sa-tapak untuk membena balek, untuk mengimbangkan keadaan yang timbul berkenaan dengan hal perniagaan dan perusahaan orang Melayu dan orang lain bangsa yang ada dalam negeri kita ini.

Saya rasa statistic ini perlu supaya mendapat menjadi bantuan kepada Dewan<sup>2</sup> Perniagaan, kepada badan<sup>2</sup> perniagaan, kepada perusahaan<sup>2</sup>, untuk menolong orang Melayu, bersama<sup>2</sup> dengan orang Melayu atau pun orang bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan. Saya rasa kalau sa-kiranya Kerajaan tidak dapat hendak mengadakan satu jabatan yang boleh mengambilkan statistic ini, saya fikir bolehlah di-serahkan kepada Jabatan Statistic sendiri mengatorkan khas untuk bumiputra ini atau pun serahkan satu peruntukan wang kepada Gabungan Dewan<sup>2</sup> Perniagaan Melayu Malaysia, supaya menjalankan gerakan menyiasat dan mengadakan statistic, yang sa-umpama ini supaya dapat ditorkan ranchangan<sup>2</sup> bagi membenakan perusahaan<sup>2</sup> dan perniagaan bumiputra.

Saya dukachita benar mendengarkan cakapan Senator S.P.S. Nathan kita tadi yang mengatakan buroh yang datang daripada Malaysia ini bila pergi ka-Sabah di-buat macham hamba abdi.

Ini ada-lah satu perkara yang sangat mendukachitakan kapada kita yang mendengar-nya kerana sa-tahu saya orang<sup>2</sup> di-Sabah berkehendak sangat kapada perkerja<sup>2</sup> daripada Malaysia Barat ini dan saya telah bertemu dalam satu lawatan saya baharu<sup>2</sup> ini dengan sa-orang daripada tuan kebun getah di-sana, dia kata berapa mari buroh dia boleh beri dengan rumah, beri dengan gaji yang chukup, beri dengan tempat dudok yang baik, asalkan ada orang yang hendak bekerja. Mereka di-sana susah kerana getah<sup>2</sup> yang di-tanam itu tidak ada-lah penoreh<sup>2</sup> yang boleh menorehkan getah itu sa-hingga getah itu boleh meresap. Ada-kah patut satu orang yang berkehendak kapada buroh melakukan di-atas buroh itu sa-bagai macham hamba abdi? Ini tidak patut. Tidak ada lojik langsung, macham mana ada-nya lojik kalau sa-kira-nya getah sudah tidak boleh di-toreh sahingga pechah getah itu keluar sendiri tetapi hendak buroh, buroh hendak-nya buat hamba abdi. Ini tidak ada lojik-nya dan tidak boleh di-terima oleh akal. Tetapi perkataan Senator Nathan itu boleh merosakkan usaha Kerajaan untuk menghantarkan ra'ayat di-sini untuk berkhidmat di-Sabah. Perkataan Mr Nathan itu boleh merosakkan chara berfikir ra'ayat di-sini, mana ra'ayat yang tidak ada pekerjaan di-sini yang mahu pergi ka-Sabah dia dengar Senator Nathan kata, pergi sana jadi hamba abdi, dia takut nanti. Ini boleh buat kachau pula kita, ini patut Senator Nathan timbang halus<sup>2</sup> sa-belum keluarkan perkara ini. Kalau dia tahu ada tuan<sup>2</sup> kebun yang melakukan satu<sup>2</sup> pekerjaan yang tidak baik dia boleh tulis surat kapada Menteri Buroh beri tahu perkara itu dengan sa-chara bertulis dan minta Menteri itu mengambil langkah yang sewajar-nya. Tetapi kalau dia sudah buka di-Dewan Negara ini keluar dalam surat<sup>2</sup> khabar, keluar dalam talivision, keluar dalam radio, nanti orang<sup>2</sup> Kelantan, orang<sup>2</sup> Trengganu, orang<sup>2</sup> Pahang, orang<sup>2</sup> Selangor, orang mana hendak pergi ka-sana untuk berkhidmat, bekerja, di-sana. "Ah, ini jadi buroh, jadi hamba abdi di-sana, siapa hendak pergi".

Sekarang Kerajaan pujok<sup>2</sup> orang kita hendak pergi ka-sana pujok. Dalam

radio ada sebut kalau pergi ka-sana gaji besar, tidak tahu besar mana lagi kata-lah gaji besar. Hendak tarek orang di-sini suka pergi ka-sana gaji besar, tempat dudok baik, semua baik, layanan baik hendak tarek orang pergi, hendak tinggal rumah tangga ini bukan senang. Ini buroh walau pun dia tidak ada pekerjaan di-sini, kalau di-sini dia rasa boleh dua tiga ringgit chukup, kerana famili-nya, kerana rumah tangga dia ada di-sini, tanah ayer ada di-sini, tetapi kalau Mr Nathan kata pergi ka-sana jadi hamba abdi, apa buat saya kerja menjadi hamba abdi di-negeri Sabah itu!

Ini satu penyakit yang melamahkan usaha Kerajaan untuk menghantarkan buroh untuk kepentingan negara kita. Ini boleh merosakkan pula kepentingan negara kita. Jadi saya perchaya-lah sa-orang ketua dalam bahagian pekerja sa-bagai Mr Nathan itu, dalam mengeluarkan perkataan pada masa<sup>2</sup> yang akan datang, patut-lah berchermat sadikit sebab dia itu orang besar, ketua buroh seluroh Malaysia. Apa yang dikatakan itu akan mendapat perhatian daripada seluroh negara kita ini, jadi tidak patut-lah dia menudohkan satu perkara pada hal perkara itu boleh diselesaikan atau pun di-beri tahu dengan chara bertulis.

Satu lagi Mr Nathan ada menyebut tentang buroh<sup>2</sup> di-hospital, macham nurses, layanan-nya, pekerjaan satu masaalah buroh ini, pekerja ini, gaji dia hendak besar, chukup layanan bagitu bagini, tetapi kalau kita pergi ka-hospital dia tengok dekat, nampak kalau tidak ada necktie sadikit, dia hambat keluar. Kalau tengok baju coat dengan necktie itu baharu dia tabek, dia tidak tahu lagi pangkat orang itu apa, dia tidak tahu lagi. Kalau coat dengan necktie dari jauh lagi jauh, "apa macham tuan?"—tuan sa-macham. Tetapi kalau Senator pergi tidak ada necktie pakai baju kemeja sahaja pun dia kata, "apa mahu?"... "Apa mahu" dia kira hendak hambat keluar (*Ketawa*). Ini saya ingat patut Mr Nathan mengambil satu initiative dalam gerakan buroh-nya membasohkan fikiran pekerja<sup>2</sup> yang ada di-dalam Malaysia ini. Membasohkan, chuchikan dia orang punya otak ini.....

(*Ketawa*)—brain washkan baharu pa-dan. Tengok pada ra'ayat ini, timbang sana, necktie, tidak necktie ada kolar atau tidak ada kolar, ada bo atau tak ada bo, tidak kira, kirakan ini ra'ayat yang dia mesti beri khidmat dia—ini tidak, apabila gaji, hentam Menteri, mana gaji besar, layanan tidak chukup, Enche' Bahaman di-sana, Enche' Bahaman di-sini. Bila perempuan sakit di-hospital hendak layan pun tidak betul. Tengok apa yang telah terjadi di-hospital di-Kuala Lumpur sendiri—berkeriau dalam surat khabar di-situ heboh di-sini, fasal layanan. Gaji hendak besar, bekerja tidak sempurna, ini yang patut. Kalau saya hendak jadi chalun, saya tidak mahu berchakap macham ini, nanti buroh tidak pilih saya tetapi saya tidak peduli. Pilih tidak pilih, jadi chalun tidak jadi chalun, perkara yang benar mesti di-benarkan juga.

Saya rasa baik-lah Mr Nathan menjalankan satu initiative dalam gerakan buroh-nya satu daripada tujuan buroh ia-lah memperbetulkan chara berfikir, anggota<sup>2</sup> buroh-nya supaya sesuai dengan zaman kemerdekaan dan zaman pembangunan. Kita tengok pekerja<sup>2</sup> sa-bagaimana Tun Haji Abdul Razak pernah bersuara, ia memerintah satu benda—pekerja terpusing ikut lain. Tun Haji Abdul Razak sendiri terkadang<sup>2</sup> susah hati, bingung, memikirkan macham mana susah-nya hendak control pekerja<sup>2</sup> ini, gaji hendak besar, pendapatan hendak lebeh, motokar hendak besar lagi, tetapi dalam pekerjaan-nya tidak mahu mengikuti chontoh bagaimana Tun bekerja. Betul-lah pendapatan naik semua hendak gaji besar, Senator pun tadi bertemppek hendak elaun besar, semua hendak gaji besar—itu sudah ikut kaedah dunia negeri makin maju sara hidup makin naik, pendek atau pun darjah kehidupan itu bertambah tinggi. Kerana kalau dahulu pakai Austin fashion lama sekarang sudah mahu chari fashion baharu, kalau dahulu kereta kechil sekarang sudah mahu chari yang besar.

Jadi chara berfikir pekerja itu pun naik, tetapi jangan-lah chara berfikir untuk hidup sahaja naik, chara berfikir untuk kemajuan pun mesti-lah naik supaya chara bekerja itu lancar,

chara keikhlasan dengan Kerajaan pun lancar, ini tidak, kalau gaji tidak naik hendak mogok, mogok itu beri tahu tiga empat hari berasa hendak mogok, buat kachau akan timbulkan satu masaalah. Bila kita beri tahu Kerajaan ambil tindakan keras, marah kepada Kerajaan. Kalau Polis Riot Squad keluar, dia marah polis. Polis tidak keluar, polis hendak jaga keamanan, awak mogok beri-lah polis dudok di-situ. Kalau buat kachau tidak susah orang. Jadi itu-lah sebab-nya chara Kerajaan menjalankan kerja, Kerajaan menjalankan kerja, tetapi bagi kaki tangan Kerajaan patut-lah menjaga kewajipan-nya mencontohi bagaimana Menteri<sup>2</sup> kita menjalankan kerja, bagaimana Tun telah terangkan potongkan red tape itu, buangkan red tape itu banyak sangat surat kertas, chepatkan kerja. Ini kerja tidak jalan juga. Sa-tengah<sup>2</sup> kalau Tun kata, hari ini kita mesti buat ini, sa-bulan lagi, dua bulan lagi terpaksa Tun kena marah pula baharu keluar balek cherita bahan itu masaalah tidak kena, sini tidak kena. Ini-lah benda yang sangat besar bagi masaalah kemajuan negara kita ini.

Saya nampak kita mesti ada dua puncha kekuatan. Kalau kita hendak lancarkan gerakan Kerajaan kita untuk kemajuan negara kita, yang pertama kita ada wang. Sekarang Kerajaan bersusah untuk mengadakan wang yang chukup untuk pembenaan negara. Yang kedua, mesti kita ada kecekapan pegawai<sup>2</sup>. Banyak pegawai<sup>2</sup> bukan-lah kesemua, tetapi ada pegawai<sup>2</sup> yang tidak begitu chekap atau pun sengaja tidak mencheapkan sa-bagaimana perkara yang telah berlaku di-satengah<sup>2</sup> tempat. Jadi ini-lah masaalah yang besar. Masaalah yang besar ia-lah kecekapan, keikhlasan, kesungguhan dalam kerja<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh pegawai. Ini dia yang besar dan penting bagi satu<sup>2</sup> negara.

Saya ingat lagi waktu British memerehntah kita sa-belum merdeka lagi, saya dudok dalam Federal Council. High Commissioner bila dia bersharah, dua perkara juga, wang dan kakitangan yang chekap. Daripada situ sampai kepada sekarang pun tidak boleh lari daripada wang yang chukup dan kakitangan yang chekap dan jujur dalam

menjalankan kerja. Alhamdulillah, hari ini kita ada kesungguhan dalam bekerja. Banyak kakitangan kita boleh di-katakan ada bahagian<sup>2</sup> kakitangan kita yang menjalankan sunggoh<sup>2</sup> kerja yang menunjokkan kemajuan dan hari ini kita telah maju. Saya katakan kita telah maju dan kita akan meningkat maju dan akan maju lagi. Apabila kita keluar negeri kita tengok di-negeri lain, negeri jiran kita yang merdeka macham Filipin berpuluh<sup>2</sup> tahun sudah merdeka dahulu daripada kita lagi, tetapi apabila masuk dalam negeri dia dan kita tengok, kita rasa megah, kita rasa besar hati kerana kemajuan yang kita ada ini mengatasi negara<sup>2</sup> lain yang berhampiran dengan kita yang telah dahulu daripada kita merdeka. Saya pergi ka-Filipin, saya masuk dalam bandar Manila di-sekeliling, bandar Manila, saya rasa Tuhan sudah bagi chukup ni'mat kepada kita di-Malaysia ini, dengan kema'moran, dengan kebaikan jalan raya, ranchangan<sup>2</sup> yang berjalan. Apabila kita pergi ka-Bangkok Menteri Kemajuan Negara Thai kata apa, bila dia bagi satu macham briefing, hendak beritahu satu rombongan Parlimen ini yang pergi ka-sana, Tuan<sup>2</sup> tahu, saya belajar daripada Tun Haji Abdul Razak. Dia chakap terang<sup>2</sup>, dia mengaku depan kita, dia belajar daripada Tun Haji Abdul Razak dalam ranchangan mengadakan bilek gerakan dalam segala hal untuk kemajuan negara Thai.

Dan apabila kita pergi ka-Manila, Menteri Pembangunan Negara Filipin kata apa, dia kata you orang lebeh maju pada kita orang apa yang kita hendak beritahu, awak lebeh maju daripada kita. Kita tahu betul awak baharu merdeka tetapi awak punya negeri lebeh maju daripada kita punya negeri. Ahli Pembangkang ada sa-kali sama saya, saya chuit dia, tanya, "apa macham, apa rasa", bila depan itu muka dia puchat. Baharu dia tahu kebaikan kita, kemajuan negara kita, kecekapan kita, kebagusan kita kebagusan pemerehntah Perikatan kalau dia pergi negeri lain. Kalau tidak hantar Pembangkang ka-negeri<sup>2</sup> lain dia tidak tahu. Patut hantar banyak<sup>2</sup> pehak Pembangkang pergi tunjokkan. Saya sokong, hantar dia pergi tunjokkan bagaimana kita

dengan negara lain. Itu belum dia tengok di-Indonesia lagi barangkali. Bawa pergi Indonesia, tunjukkan, baharu dia tahu bagaimana hal-nya di-Indonesia, bagaimana hal-nya kita di-sini.

Panjang sudah saya berchakap ini dengan sa-chara emotion, jadi saya berhenti-lah. Sekian sahaja terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' J. E. S. Crawford:** Mr President, Sir, I rise for one minute only to fully support the Supply Bill before this Honourable House. However, Sir, I do not support fragmentation; therefore, I fully support Tan Sri Tan's corporation, Sir, to put an end to this evil practice. Thank you.

**Mr (Deputy) President:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, oleh sebab tiada ahli<sup>2</sup> yang hendak berchakap lagi saya tangguhkan persidangan ini 15 minit kemudian saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab-nya.

*Sitting suspended at 5.35 p.m.*

*Sitting resumed at 5.50 p.m.*

(Mr Deputy President in the Chair)

## THE SUPPLY (1967) BILL

### Second Reading

**Mr (Deputy) President:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat, kita sambong sa-mula berkenaan dengan Supply Bill, 1967 dan saya harap Yang Berhormat Menteri<sup>2</sup> menjawab-nya.

*Debate resumed.*

**The Minister of Lands and Mines (Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Mr President, Sir, I am very glad for the first time in my experience in this Senate that, when we give replies to observations raised by the Honourable Senator S. P. S. Nathan, he is present in the Dewan. He has been trying his level best to paint a picture that there exists in this country a class struggle between the workers on the one hand and the employers on the other. The sum total of his speech today is that the Government always throws its weight, in the event of any dispute between workers and employers, on the side of the employers. The logic of his speech tells us that in his view the question is not what is right but who is right, and to him if there is a dispute

between a worker and an employer the worker is always on the right side.

Some matters mentioned by the Honourable Senator, to say the least, are highly exaggerated. I, for one, would say it here that, when he says that the employers in Sabah treat the workers from West Malaysia not as human beings but like slaves, I do not believe that in his heart of hearts he himself believes that such treatment has been meted out to the workers from West Malaysia by the employers in Sabah. That allegation, though shocking to us who come from East Malaysia, has got a very bad political implication and I feel that the Honourable Senator has been trying to drive a wedge between the East Malaysians and the West Malaysians. I hope that he would be able to substantiate his allegation that workers from West Malaysia who have been sent to East Malaysia, have been treated as slaves. Mr President, Sir, I have been asked by the Minister for Sabah Affairs and Civil Defence to look after his Ministry during the sitting of this Parliament and, as such, I would really be very interested to know the exact cases where the workers from this country have been treated in Sabah as slaves. If he cannot produce documentary proof as he said just now then when we meet at the next meeting of the Dewan, we, the Government side, would demand an apology from him. This is just to give him notice in advance.

On this question of sub-division—I would prefer to use the word “sub-division” in accordance with the definition contained in Professor Ungku Aziz's Report rather than confusing the two words, as is used in the speech by the Honourable Senator, “fragmentation” and “subdivision”—I wonder whether he himself has read the Report. “Subdivision” means dividing one big estate into several small portion of 10 acres, 5 acres, and so forth. Sir, on this question, when I went through the records of parliamentary debates several years ago, I came across many speeches by Honourable Members of the former Federal Legislative Assembly. One of the first men who urged upon the Government to take measures,

effective measures, to control subdivision is now in the Dewan, he is Yang Berhormat Captain Abdul Hamid Khan, in 1958. I followed that all through in order to understand fully the whole history behind subdivision. The Honourable Senator, or the N.U.P.W., cannot accuse me or any Federal Minister of not studying the problems thoroughly. As I said, I took the trouble to study not just the Report but also the speeches right up to the former Federal Legislative Assembly. That goes to show, Mr President, Sir, that far from the Alliance Government being a Government which always protects the interests of the employers only, it protects the interests of people who are on the right side. The question for us is not who is right but what is right in the particular circumstances of the case. That is the whole crux of the matter.

Now, I am not going to trace the whole history of this matter. The Honourable Senator, in his reply to me, said that the N.U.P.W., or he, wants legislation to stop fragmentation, but in the same breath soon after giving that reply, he said "to control subdivision". Here is a copy of his speech which he made yesterday, on the 6th March, 1967. So, he himself cannot make up his mind. Perhaps, he cannot understand the difference between stopping and controlling. I am not surprised because he was just reading the speech today and perhaps, quite rightly, prepared by many people on his behalf. We do not quarrel about that.

The picture that the N.U.P.W., or the Honourable Senator, has been trying to paint of the Central Government is that the Central Government has always been at fault—we have not taken any action to control subdivision of estates despite the fact that all the State Governments have been urging the Federal Government to do something about it. Sir, all the Governments in the States of Malaya, except Kelantan, of course, are Alliance Governments. The truth is that, Sir, none of these State Government is, as he said today, pointing an accusing finger at

the Central Government, and also the Central Government has not been pointing an accusing finger or putting the blame on the State Government on this question. We know that it will not serve any useful purpose. We know that the people of this country think of Government as one—the ordinary people are not interested whether it is the State or the Federal Government. We know that, and the Deputy Prime Minister has been telling us that all along.

Now, what did we promise in 1963? (1) Genuine subdivision as opposed to pseudo-subdivision should not be prevented—that is Government's policy as contained in Command Paper No. 29 of 1963; (2) Legislative and administrative measures would be taken to prevent abuses of subdivision and its undesirable effects; and (3) a rehabilitation programme with a view to remedying as far as possible all the ill-effects of subdivision, particularly the living conditions of workers in subdivided estates. It was also stated in the Government statement of policy that some of the legislative measures—I emphasise here "some of the legislative measures"—were under consideration in drafting the new National Land Code; that "some of the measures" are now contained in sections 135, 136, etc. of the National Land Code. The point I would like to mention here, Mr President, Sir, is that when we debated the National Land Code Bill at the end of 1965 here, the Honourable Senator S. P. S. Nathan kept quiet. Why? Why did he keep quiet when he knew fully well that some legislative measures were going to be embodied in the National Land Code? The Bill was fully debated in the Dewan Rakyat and in the Senate, but he just kept quiet—perhaps, he was not present in the Senate. Now he comes round and say, "The National Land Code is not effective; we want more effective legislation." He has, to me, failed in his duty to the workers, especially to the members of the National Union of Plantation Workers when he made not a single comment on sections 135, 136, 137, etc. of the National Land Code when the National

Land Code Bill was debated in the Dewan at the end of 1965.

Sir, he also mentioned that a Member of the Dewan Ra'ayat—he call him “someone who jumps over the wagon when the going is good”—made a very strong attack on the officials of the National Union of Plantation Workers. The Honourable Senator says this: “A few days ago some jump over the wagon when the going is good politicians levelled vituperative attacks on the National Union of Plantation Workers. These vicious attacks are not direct but suggestive. I might waste the recious time of this House if I go on elaborating these utterances now. They have conveniently taken shelter under the privileges of the Parliament. Any bold man and an honest gentleman would not have done so.” Does he expect an Honourable Member of the Dewan Ra'ayat just to keep quiet? Is it the duty of an Honourable Member of either the Lower House or the Upper House to speak outside the Dewan? Surely any Honourable Member is entitled and should speak on any matter touching the interest of the public. The allegation made by the Honourable Member is in connection with the Sitiawan Estate in Perak. Some of the workers have approached the Chairman of the Finance Corporation, the Chairman is Yang Berhormat Tan Sri Sambanthan. They asked him if they could join the Co-operative Society in order that they could buy this estate which was going out for sale. Then, according to this Honourable Member, a certain union official from Perak went to these workers and said: “Don't join this Co-operative Society or Corporation because the N.U.P.W. itself was going to buy the estate.” That was the allegation and the Honourable Senator has not refuted that allegation in this Dewan.

**Tuan S. P. S. Nathan:** Mr President, Sir, a point of clarification. The President of the National Finance Society did not go to the estate as promised because the root cause of the trouble, the main leader who fragmented the estate, is the Vice-President of the M.I.C., Perak Branch. We have issued a statement to that effect in the papers,

so I do not want to make any repetition here. It has already issued an open statement to the press day before yesterday. Thank you, Sir.

**Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:** This is the problem, Sir. Anything that is done by a member of the Alliance Party is bad, anything that is done by any other person—not a member of the Alliance Party—is good. This is the sort of attitude. The crux of the matter is still this: is it or is it not the truth that an official of the N.U.P.W. persuaded the workers, who tried to join this Co-operative Society, not to join it, because the official said the N.U.P.W. was going to buy the estate? That is the crux of the allegation.

Now, then, I have issued a press release several days ago on this very question and, as I said, a committee of officials from the Ministry of Labour, Ministry of Lands and Mines, Ministry of Commerce and Industry others, including a member of the Attorney-General's Chambers, are today studying a draft—and I have got a copy of the draft, in fact—of the proposed measures which Government should take, if the Cabinet agree to the proposal, on this very complex problem.

Sir, I say, again, and the Government says it again, that genuine sub-division which will not affect the economy of the country, which will give the landless people land to possess, should not be opposed just because one big estate is divided into several lots. I agree, and the Government agrees, if the sub-division has ill effects, bad effects on the economy of the country, in the interest of the country, in the interest of the workers, and considering the interest of the country as a whole, then sub-division should not be allowed. With this statement of policy in view, we drafted National Land Code Section 135, 136, 137. From 1st January, 1966, these fragmentors had become very clever. Rather than submitting their application for sub-division, as required by the National Land Code, they clinched private deals, made private agreements, for the sale of the estates to buyers of sub-divisional portions. Certain surveyors had persisted in what I call “this illegal sub-division” despite

the protest by the Chairman, Land Survey Section, Institute of Surveyors, Malaysia, which appears in the *Straits Times* today in the 'Letters' column. I say that, and I know for certain, I was told by the Surveyor-General, that at least one of the Licensed Surveyors has told him that after my statement he finds himself in a very difficult position, because I said that if they are helping the fragmentors to sub-divide the estate without Government permission, then they have been acting illegally. This letter says:

"Sub-division surveys are usually carried out by Licensed Surveyors only after an application for sub-division has been approved by the competent authority, for the purpose of obtaining titles in continuation over the several sub-divisional portions of the original lot".

It goes on to say:

"As Licensed Surveyors are acting within the framework of the National Land Code and the Licensed Land Surveyors Ordinance, they take strong exception to the inference that they have been acting illegally and irresponsibly".

The simple story is that if there are certain people, fragmentors, who, through private arrangements, tried to sub-divide their estates without the authority of the State Governments concerned and then got certain surveyors to carry out the survey of the lot, then according to the National Land Code, that is not allowed. Now, if the activities of such surveyors can be considered to be within the framework of the National Land Code, then I will say that the National Land Code is completely useless, then I would say that these people, the surveyors, have not studied the National Land Code at home. That is my reply to that one. But to cut a very long story short, Mr President, Sir, whatever the circumstances, the arguments, the *pros* and *cons* of the whole thing, the present position is this: the Honourable Minister of Labour and myself will have a meeting during the next few days, before I leave Kuala Lumpur for Mecca on the 12th of this month, and decide on the recommendation which we will submit to the Cabinet for consideration. I cannot state here what steps we are recommending because that will be presuming,

contrary to Cabinet practice, the Cabinet will agree with our proposal; we have to act collectively in accordance with the Constitution, and therefore I am sorry I cannot disclose what steps we propose to recommend to the Cabinet. We are not complacent about this problem, as the N.U.P.W. has been trying to tell members of the public. Here you are, the records will show, the official records, the press statements, and so forth, and I hope that after a few weeks' time we would be able to say definitely what steps the Federal Government think should be taken in this matter.

There is one thing I would like to state here. Land is a State matter. The Ministry of Lands and Mines, the Federal Government, cannot just bring a Bill in the Dewan Ra'ayat and in the Dewan Negara and have the Bill passed, without the concurrence of the State Government through the National Land Council, and therefore I cannot take steps as quickly as I would like to take. I must follow the dictates of the Constitution. After the recommendation has been approved by the Cabinet, it must necessarily take a bit of time before the thing can be put into effect. But Government policy on these things is that we are against sub-division where it will affect the economy of the country.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat Senator Amaluddin mengenai mutu getah yang di-keluarkan daripada kebun<sup>2</sup> kecil maseh rendah daripada mutu<sup>2</sup> getah yang di-keluarkan daripada estate<sup>2</sup>. Di-dalam Malaya ini 80% getah<sup>2</sup> kita ada-lah mempunyai mutu first class (mutu nombor satu) sedang 50% estates<sup>2</sup> dalam negeri ini ia-lah small holders (estate yang kecil) dan 50% lagi yang di-gelarkan estate. Ini menunjukkan tidak mestinya jika estate yang besar itu di-pecahkan, di-bahagikan kepada 10 ekar atau pun 20 ekar atau pun 30 ekar—mutu getah itu akan turun daripada quality yang pertama atau pun mutu yang pertama kepada mutu yang kedua atau pun mutu yang ketiga.

Ahli Yang Berhormat itu juga mahu supaya Kerajaan membuat satu undang<sup>2</sup>

memaksakan sakalian peladang<sup>2</sup> menjual susu kepada Kerajaan untuk menjamin bahawa mutu getah dalam negara kita ada-lah 100% nombor satu. Ini tidak dapat di-terima—kita tidak mahu membuat undang<sup>2</sup> yang seperti ini yang memaksa sa-orang yang mempunyai harta itu mesti menjualkan harta-nya kepada Kerajaan. Dengan tidak ada undang<sup>2</sup>, sekarang pun kita dapati—80% daripada getah dalam negeri ini mempunyai mutu nombor satu. Oleh kerana apa? Kerana menerusi Rubber Research Institute, kita mempunyai services yang boleh membantukan small holders di-dalam negara kita ini. Daripada satu masa ka-satu masa memang menjadi azam kita supaya mutu getah itu semua-nya 100% mendapat nombor satu. Dengan demikian negara kita akan mendapat keuntungan.

Yang Berhormat Senator itu juga berkata, empat juta ekar tanah dalam negara ini di-punyai oleh orang Eropah dengan chukai<sup>2</sup> yang di-bayar mereka itu satu sen satu ekar. Saya ingin mengetahui nama orang yang punya tanah itu, di-mana letak tanah-nya yang membayar satu sen satu ekar semenjak Undang<sup>2</sup> Tanah Negara berjalan kuat-kuasa-nya. Saya tidak akan menghabiskan ini di-sini, saya akan mengarahkan pegawai saya menghantar surat kepada Ahli Yang Berhormat itu untuk memberi penjelasan kepada Kementerian saya mengenai perkara ini.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Apa yang sebutkan tadi ia-lah dahulu, dahulu saya tahu di-dalam report.....

**Tuan Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Sekarang sudah tidak ada, jadi dia nampak-nya sekarang terima kaseh-lah kepada Kerajaan Pusat yang telah mengubahkan keburokan penjajahan dahulu. Jadi kalau begitu saya tidak akan menghantar surat. Kalau saya tidak buat begitu tadi dia akan terus sebar-lah satu sen satu ekar (*Ketawa*).

Saudara saya Senator Andrew Jika Landau telah menyentoh masalah orang<sup>2</sup> asli atau pun bumiputera di-Sarawak. Saya baharu sahaja dapat ketahu<sup>2</sup> perkara ini. Sa-benar-nya apabila Yang Mulia Tunku Perdana Menteri berkata perkataan 'aborigines' tidak termasuk bumiputera Sarawak.

Yang Teramat Mulia Tunku ada-lah menerangkan ta'rif yang telah dinyatakan atau pun termaktub di-dalam Perlembagaan kita. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, satu rombongan daripada Malaya datang ka-Sarawak dalam tahun 1962 dalam per-golongan membinchangkan penubohan Malaysia. Apabila sa-orang daripada orang Sarawak bertanya apa yang akan di-buat oleh Kerajaan Malaysia nanti kepada bumiputera di-Sarawak. Kata orang Malaya ini, dia tidak tahu hal Sarawak baharu datang sahaja di-Sarawak, kita buat satu Jabatan Orang Asli. Maka orang yang bertanya itu marah, dia kata kita tak sama seperti orang asli di-sana, kita sini lebeh maju daripada orang asli di-Malaya. Jadi itu-lah sebab-nya oleh kerana Kerajaan Negeri Sarawak tidak mahu ta'rif 'aborigines' itu meliputi bumiputera di-Sarawak maka ta'rif yang ada sekarang ini kita simpankan dalam Perlembagaan. Dengan sebab itu-lah maka Kementerian saya yang bertanggung-jawab dengan kebajikan hal ehwal orang asli ini tidak membuat apa<sup>2</sup> ranchangan untuk orang Punan, orang bumiputera<sup>2</sup> yang lain di-dalam negeri Sarawak kita di-sana.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu ia-itu masalah kebajikan ra'ayat dalam Malaysia ini tak dapat kita bagi, ini tanggungan Kerajaan Negeri, itu tanggungan Kerajaan Pusat. Kedua<sup>2</sup> Kerajaan mesti bekerjasama untuk menajagakan kepentingan ra'ayat kita sakalian. Jadi dengan hal yang demikian kerana keadaan di-dalam negeri Sarawak itu, jalan raya tidak ada banyak, hendak pergi tempat Punan ini kalau daripada Bera pergi ka-Hulu<sup>2</sup> tempat Yang Berhormat Senator Dato' Temenggong Lawai Jau, kalau naik perahu mengambil masa tiga bulan, hendak tunggu kapal terbang sa-minggu sa-kali, itu pula kadang<sup>2</sup> tidak dapat turun di-lapangan terbang. Jadi susah-lah hendak bawa ranchangan<sup>2</sup> kepada kawasan<sup>2</sup> mereka ini. Kita mesti-lah dahulu pergi kepada tempat<sup>2</sup> yang boleh kita kerjakan dengan sa-berapa segera seperti Lambir Scheme Tun Razak di-Bahagian Yang Pertama, Scheme Saker dekat Bahagian Kedua dan lain<sup>2</sup>-nya. Daripada satu masa ka-satu masa kita

berharap supaya dapat menikmati kemerdekaan daripada Malaysia dirasai oleh seluruh ra'ayat Malaysia. Bagaimana pun jika Yang Berhormat Senator itu dapat memujuk Kerajaan Negeri Sarawak, supaya mereka ini dimasukkan di-bawah ta'rif "aborigines", Kementerian saya akan sangat ber-sukachita menjalankan apa sahaja rancangan untuk mereka seperti orang Punan, orang<sup>2</sup> Bukitan dan lain<sup>2</sup> yang menghendakkan bantuan daripada Kerajaan.

Chadangan supaya orang Indonesia dan Filipina di-panggil sa-masa pilehan-rama di-Sabah, masalah ini sedang di-dalam pertimbangan. Jadi tidak-lah dapat saya memberi penjelasan yang lain daripada itu.

Mengenai Jabatan Hal Ehwal Ugama, masalah ini juga sa-belum di-laksanakan perlu-lah mendapat persetujuan daripada Majlis Raja<sup>2</sup>; yang demikian tidak-lah dapat saya memberi kata pemutus ketika ini sama ada itu akan di-buat atau pun tidak. Konsep-nya seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ada baik, tetapi kuasa-nya di-dalam tangan Majlis Raja<sup>2</sup> kita sakalian.

The Honourable Senator Lim Joo Kong raised a number of questions. One of them concerned the blue identity cards. On behalf of the Minister of Home Affairs, I would like to say that it has been the practice since September, 1964, to accept blue identity cards as *prima facie* proof of citizenship. This is purely an administrative arrangement, in order to minimise inconvenience to applicants for passports. In cases of doubt, however, the passport officers have the right to call for citizenship certificate which is the only legal document serving as proof of citizenship.

On the question of residents, who were born in Malaysia but whose parents are not Malaysian citizens and have since deceased, or on the question of their citizenship, I would like to say this. The law provides that such persons are only eligible to apply for citizenship when they have reached the age of 18. In so far as travel documents for such persons are concerned, since

they are not yet entitled to Malaysian passports, they should apply for their national passports from their respective Embassies or High Commissions. If, however, they are not able to obtain their national passports, whatever that may be, or they happen to be settlers and recongnized as permanent residents of Malaysia under the Immigration Law, they may apply for appropriate travel document other than Malaysian passport.

Saya lupa menjawab satu perkara lagi yang di-sentuh oleh Yang Berhormat Senator Amaluddin, ya'ani tentang hal perusahaan melombong. Beliau tidak puas hati dengan rancangan yang di-jalankan oleh Kementerian saya pada masa ini. Menurut beliau supaya bangsa<sup>2</sup> lain yang telah mempunyai pengalaman dalam perkara ini membantu orang<sup>2</sup> Melayu dalam perusahaan ini. Jadi, kita telah mendengar beberapa kenyataan daripada orang<sup>2</sup> ini. Kenyataan sahaja ada, ada di-bawa kongsi bersama<sup>2</sup> kadang<sup>2</sup> kongsi Ali Baba dan lain<sup>2</sup> tetapi itu pun telah tidak memberi puas hati kepada kita. Maka hasil daripada keputusan Kongress Ekonomi Bumiputera, Kementerian saya telah dapat \$500,000 untuk maksud ini. Daripada tahun yang lepas tadi kita ada menjalankan rancangan per-chubaaan atau pun pilot project di-negeri Perak. Dalam rancangan ini berlainan daripada seperti yang di-fahamkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Kerajaan membeli alat dan orang yang bekerja di-situ bukan sahaja pegawai daripada Jabatan Galian yang menjadi ketua-nya tetapi juga orang yang mempunyai tanah itu sendiri kita bawa bekerja. Dengan chara demikian mereka ini di-lateh menjalankan perusahaan itu sendiri. Apabila kita telah puas hati bahawa mereka itu dapat bekerja dengan sendiri-nya dengan tidak lagi payah di-bantu, di-tunjuk ajar oleh pegawai daripada Jabatan Galian, maka mereka itu sendiri-lah yang akan menjalankan perusahaan perlombongan mereka. Saya tegaskan ini pilot project, jika berjaya dalam pilot project ini, saya chuba akan chadangkan rancangan yang lain lagi kepada pehak Kerajaan.

Yang mendukachitakan saya dalam rancangan yang seperti ini, sunggoh

pun nampak kepada kita tanah yang di-pilih itu telah di-pereksa memang mempunyai bijeh tetapi ada-lah hantu sa-orang dua daripada luar itu, bukan sahaja orang yang bukan bumiputera, orang bumiputera sendiri pun hendak ajak orang Melayu itu tadi, jangan masuk dalam rancangan ini, ikut rancangan yang lain nanti kompeni ini boleh bagi \$3,000 boleh buat rumah dan lain<sup>2</sup>, tetapi segala perusahaan ini akan di-jalankan, di-laksanakan, oleh satu kompeni dan keuntungan akan di-bagi dua—25 percent kepada tuan punya tanah, 75 percent kepada kompeni yang mengeluarkan modal.

Saya sedang berunding dengan Kerajaan negeri Perak dalam masalah ini supaya jika timbul masalah demikian, jangan di-beri mining permit kepada kompeni yang mengachau rancangan Kerajaan ini tadi (*Tepok*) (An Honourable Member: Bagus!) Khabarnya Kerajaan Negeri Perak bersetuju dengan chadangan ini kerana pilot project yang di-buat oleh Jabatan Galian sekarang ini ada-lah hasil daripada permohonan daripada Kerajaan Negeri Perak itu. Jadi kalau Kerajaan Negeri Perak nanti tidak sokong permintaan saya supaya permit itu jangan di-beri kepada company yang hendak kachau ini, maka harus perojek ini akan gagal, tidak-lah dapat saya meminta kepada Menteri Kewangan wang lagi untuk membantu bumiputra dalam perusahaan melombong ini.

Ini-lah sahaja jawapan<sup>2</sup> yang dapat saya beri, rakan<sup>2</sup> saya pun hendak berchakap, kalau saya sa-orang berchakap nanti orang pun jemu. Jadi apa masalah<sup>2</sup> yang lain yang mengenai Kementerian saya yang tidak sempat saya jawab sa-chara lisan, akan saya hantar jawapan dengan chara bertulis.

